

VOT 71855

**KAJIAN PROGRAM BINA SAHSIAH STAF DI IPTA: KAJIAN KES DI UTM
& USM**

**(THE PROGRAMME OF BINA SAHSIAH AMONG STAFF IN
INSTITUTION OF HIGHER LEARNING: A CASE STUDY AT UTM & USM)**

**MOHD NASIR BIN RIPIN
AZMISHAH BIN SURATMAN
RAMLI BIN AWANG
SAYED MAHUSSAIN SAYED AHMAD
ZULKIFLEE BIN HARON**

**RESEARCH VOTE NO:
71855**

**Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial
Universiti Teknologi Malaysia**

2006

DEDIKASI

SATU PENGHARGAAN KHUSUS

BUAT PENGANJUR DAN INSTRUKTOR

PROGRAM BINA SAHSIAH

DENGAN IRINGAN HARAPAN

AGAR PROGRAM INI MENDAPAT RUANG SEWAJARNYA
DALAM KALANGAN WARGA IPTA
SERTA MENJADI BAKTI TERHADAP ILAHI

ABSTRAK**KAJIAN PROGRAM BINA SAHSIAH STAF DI IPTA: KAJIAN KES DI UTM
& USM**

(Kata kunci : program, bina sahsiah)

Kajian ini berkaitan dengan kajian program bina sahsiah staf ini bertujuan mengenalpasti bentuk dan tahap pelaksanaan program bina sahsiah, menganalisis skop kandungan program bina sahsiah yang dilaksanakan dan mengenalpasti masalah pelaksanaan program bina sahsiah di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Kes kajian dilakukan di Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti sains Malaysia. Data dikutip menggunakan metode temubual dengan penganjur atau pelaksana program sebagai kes atau sampel kajian. Kemudian dianalisis menggunakan kaedah kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa IPT melaksanakan program bina sahsiah kepada staf dalam skop kandungan dan menghadapi masalah yang hampir sama. Cadangan kepada pembaikan terhadap program bina sahsiah dibuat dalam bab akhir kajian.

Penyelidik:

Mohd Nasir Ripin (Ketua)
Azmishah Suratman
Ramli Awang
Sayed Mahussain Sayed Ahmad
Zulkiflee Haron

Email : nasiripin@utm.my
Tel : 07-5535050 / 35095
Vot : 71855

ABSTRACT

THE PROGRAMME OF *BINA SAHSIAH* AMONG STAFF IN INSTITUTION OF HIGHER LEARNING: A CASE STUDY AT UTM & USM

(*Keywords: programme, bina sahsiah*)

This research studies on the programme of *bina sahsiah* among staf in Institution of Higher Learning (IPT) in order to identify form of implementation of the programme, to analyse the contents of the programme and to identify problems faced by the IPTs in implementing the programme. The study is done at Universiti Teknologi Malaysia and Universiti Sains Malaysia as a case. Data is collected by method of interview to the organiser of the programme as sampling of the study and then qualitatively analysed by the researcher. The results show that the IPTs nearly implement the programmes in the same content as well as face the similar problems. The study looks for suggestions in the final chapter.

Key Researchers :

Mohd Nasir Ripin (Leader)
Azmishah Suratman
Ramli Awang
Sayed Mahussain Sayed Ahmad
Zulkiflee Haron

Email : nasiripin@utm.my
Tel : 07-5535050 / 35095
Vot : 71855

SENARAI SINGKATAN

IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
JAPNI	Jawatankuasa Penerapan Nilai-Nilai Islam
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
MSI	Masjid Sultan Iskandar
PSZ	Perpustakaan Sultanah Zanariah
PTG	Pusat Tanggungjawab
USM	Universiti Sains Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	DEDIKASI	ii
	ABSTRAK	iii
	ABSTRACT	iv
	SENARAI SINGKATAN	v
	SENARAI KANDUNGAN	vi
BAB I	PENDAHULUAN	
1.1	PENGENALAN	1
1.2	LATAR BELAKANG MASALAH	2
1.3	PERNYATAAN MASALAH	5
1.4	OBJEKTIF KAJIAN	5
1.5	PERSOALAN KAJIAN	5
1.6	KEPENTINGAN KAJIAN	6
1.7	SKOP KAJIAN	6
1.8	METODOLOGI	7
1.9.	LIMITASI KAJIAN	8
1.10.	DEFINISI ISTILAH	9

BAB II KONSEP BINA SAHSIAH

2.1.	PENGENALAN	11
2.2.	KONSEP PEMBINAAN SAHSIAH	11
2.3.	KONSEP BEKERJA MENURUT PANDANGAN ISLAM	15
2.4	SAHSIAH BERLANDASKAN SYARIAT ISLAM	22
2.5	BENTUK HUBUNGAN DALAM PEMBINAAN SAHSIAH	27
2.6	MODEL PEMBINAAN SAHSIAH	39
2.7.	PEMENTINGAN PENGGUNAAN AKAL DAN AKTIVITI ILMU	46
2.8.	KESIMPULAN	49

BAB III PROGRAM BINA SAHSIAH DI UTM

3.1	PENDAHULUAN	52
3.2	PROGRAM BINA SAHSIAH	54
3.3	BENTUK, TAHAP, KANDUNGAN SERTA MASALAH	56
3.1.	PEJABAT BENDAHARI	56
3.1.1	Bentuk Program	58
3.1.2.	Kandungan Program	60
3.1.3.	Permasalahan	61
3.1.4.	Cadangan	63
3.2.	FAKULTI SAINS	66
3.2.1.	Bentuk Program	66
3.2.2.	Kandungan	67
3.2.3.	Permasalahan	67
3.2.4.	Usaha Pembaikan	68

3.3.	PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH	69
3.3.1.	Bentuk	69
3.3.2.	Kandungan Program	70
3.3.3.	Masalah Yand Dihadapi	71
3.4.	FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL	72
3.4.1.	Bentuk Program	72
3.4.2.	Kandungan Program	74
3.4.3.	Permasalahan	75
3.4.4.	Cadangan	76
3.4	KESIMPULAN	76

BAB IV PROGRAM BINA SAHSIAH DI USM

4.1	PENDAHULUAN	79
4.2	BENTUK DAN TAHAP PERLAKSANAAN	80
4.3	SKOP KANDUNGAN PROGRAM	82
4.4	MASALAH PERLAKSANAAN PROGRAM	84
4.5	KESIMPULAN	

BAB V PENUTUP 88

BIBLIOGRAFI 92

BAB I

PENDAHULUAN

1. PENDAHULUAN

Malaysia sedang menuju negara maju menjelang tahun 2020. Dalam era globalisasi ini, manusia juga mengejar kejayaan sejajar dengan arus pemodenan yang semakin meningkat. Justeru, pelbagai krusus, program, pengajian dan latihan telah disertai dan dilaksanakan agar tidak tercicir serta setanding antara satu sama lain. Program latihan pula rata-rata mengasah bakat dan kemahiran fizikal atau jasmani.

Ramai terlupa bahawa manusia yang terdiri dari dua unsur rohani dan jasmani perlukan tuntutan yang seimbang. Majoriti daripada kalangan mereka hanya memenuhi pembangunan atau latihan bersifat material sahaja tanpa penekanan kepada aspek rohani atau pembinaan sahsiah. Sedangkan Islam menuntut umatnya agar cemerlang dalam kedua-dua aspek tersebut. Malah, aspek sahsiah itulah yang lebih utama. Ini kerana bermula dari sinilah maka cabang-cabang kecemerlangan yang lain atau pembangunan fizikal dapat dilahirkan kerana manusia bermula dari dalam diri manusia itu sendiri.

Oleh yang demikian, aspek pembinaan sahsiah perlu diambil perhatian agar kejayaan yang diperolehi tidak tersasar daripada apa yang termaktub dan digariskan oleh wahyu. Jika diabaikan, maka sia-sialah penurunan al-Qur'an dan al-Hadith yang merupakan rujukan dan panduan yang kekal kepada manusia sekelian alam. Dalam hal ini kata as-Syatibi: "Tuntutan Syara'

ada dua jenis. Pertamanya, berupa adat-adat yang berlaku antara manusia sesama sendiri dalam mencari pendapatan atau urusan keduniaan...Keduanya, berupa ibadat yang diperlukan oleh Mukallaf dalam bertawajjuh kepada Allah yang disembah.”¹

2. LATAR BELAKANG KAJIAN

Pembangunan atau program latihan yang menjurus kepada aspek fizikal atau kemahiran psikomotor memang berleluasa dan menjadi amalan semua organisasi. Pembangunan dan kemahiran fizikal ini perlulah diselaraskan juga dengan pembangunan spiritual atau pembangunan sahsiah staf yang menjadi nadi organisasi. Pembangunan atau kemahiran fizikal tanpa diimbangi dengan pembangunan sahsiah boleh menyebabkan pekerja menjadi mahir tetapi hilang nilai kemanusiaannya. Sedangkan, matlamat asal sesuatu organisasi atau lebih khusus lagi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seperti universiti adalah untuk melahirkan graduan yang berwibawa kemanusiaannya. Lantaran itu, staf yang menjadi nadi organisasi perlu lebih dahulu terbangun atau tinggi nilai manusianya.

Senario semasa memperlihatkan wujud pekerja yang makin terhakis nilai-nilai sahsiah melakukan perkara yang boleh membunuh kepercayaan awam. Antara contoh kemelesetan sahsiah seperti ada staf yang melakukan rasuah, tidak berdisiplin, ponteng kerja, melakukan penipuan, merosakkan reputasi penjawat awam, terlibat dengan salah laku, pecah amanah dan banyak lagi perkara yang menggambarkan aspek sahsiah staf menurun. Lebih memilukan lagi ada juga staf yang beragama Islam tidak memahami status dan peranan sebenar kewujudannya di atas muka bumi ini sebagai hamba dan khalifah Allah, yakni pekerja yang perlu bersikap amanah. Bila ini berlaku, reputasi IPTA jatuh dan kepercayaan masyarakat kepada menara gading

sebagai institusi yang melahirkan sumber manusia bertaraf tinggi dan berbudi pekerti menjadi hilang. Kesannya, negara boleh muflis bila universiti melahirkan graduan yang cekap bekerja tetapi hilang nilai sahsiah dan kemanusiaannya.

Dalam konteks umum, kehilangan nilai kemanusiaan ini disebabkan oleh pengaruh fahaman sekularisma yang diimport dari pengaruh penjajah. Prof. SMN al-Attas mengklasifikasikan pengaruh ini sebagai kehilangan adab dalam masyarakat. Implikasinya akan membawa kepada kemunculan pemimpin atau dalam aspek ini staf yang palsu kerana tidak memiliki nilai sahsiah yang layak untuk sebuah masyarakat atau organisasi.²(SMN al-Attas). Ia juga kesan dari konsep ilmu atau pendidikan yang tidak bersepadu iaitu mementingkan aspek materia sahaja. Kesannya, pemisahan ini dunia pengurusan berdepan dengan masalah kemanusiaan yang tidak normal. Stephan R. Covey memaksudkan kepincangan ini sebagai muncul manusia kaya tanpa bekerja kerana manipulasi pasaran, bahagia tanpa pengorbanan kerana sifat tamak dan individualistik, berilmu tanpa karektor, berniaga tanpa etika, sains tanpa kemanusiaan, beragama tanpa pengorbanan dan berpolitik tanpa prinsip kebenaran.³

Sebagai contoh, laporan akhbar *Berita Harian*⁴ memaparkan kes seorang kerani Kumpulan wang Simpanan Pekerja (KWSP) bersama tiga pencarum dan seorang tenaga pengajar kolej ditahan polis kerana memalsukan pengeluaran wang caruman bernilai lebih 70 ribu ringgit. Kes ini dikatakan buka pertama kali kera KWSP juga dicemari dengan kes penipuan salah guna pengeluaran untuk tujuan pembelian komputer oleh lebih 700 ribu ahli.

Di pihak lain, manusia yang mempunyai fitrah semulajadi memerlukan kepada kebenaran. Persoalan mengenai kemanusiaan seperti status, peranan

aslah usul, ketuhanan, tuntutan harian dan hal berkaitan aspek rohaniah seperti keindahan, kecantikan, kedamaian, kebahagiaan dan lain-lain sifat yang mahmudah perlu diberikan pengisian. Dengan kata lain, aspek pembangunan rohaniah ini menjuruskan kepada hal-hal pembinaan sahsiah. Lantaran itu, sesebuah organisasi seperti IPTA perlu memberikan penekanan kepada program latihan atau program pembinaan sahsiah ini.

Kenyataan bahawa kemantapan sahsiah boleh memanifestasikan kerja cemerlang turut diakui bukan setakat oleh Muslim dan ajaran Islam, tetapi juga disokong oleh bukan Islam. Bekas politikus prolifik negara dan ahli khidmat sosial, Lee Lam Thy menyarankan bahawa staf awam perlu memupuk satu budaya yang boleh membawa pentadbiran awam berdedikasi, cekap, beretika dan keutuhan pengurusan. Untuk mencapai objektif itu, staf perlulah mewujudkan budaya jujur, boleh dipercayai, disiplin dan telus serta menjauhi rasuah.⁵ Hal ini disokong oleh Saipul Adli Mohammad yang menekankan konsep bekerja kerana Allah menjadikan seseorang staf lebih efisien. Ini kerana gabungan iman, takwa, ilmu serta kemahiran akan menjadikan pekerja lebih cekap serta model dalam bidang yang mereka ceburi.⁶

Dalam konteks Institusi Pendidikan Tinggi Awam Malaysia termasuk UTM dan USM, program-program yang berbentuk pembangunan atau latihan terutamanya di kalangan staf merupakan sesuatu yang lumrah dilakukan oleh organisasi. Namun program-program yang menjurus kepada Islam atau pembangunan sahsiah belum dikenal pasti atau direkodkan secara terperinci. Ringkasnya, program-program yang menjurus kepada pembinaan sahsiah yang lebih teratur dan bukan bersifat sementara perlukan kepada kajian untuk dikemaskini dan dipertingkatkan.

3. PERNYATAAN MASALAH

Setelah melihat kewujudan senario yang menggambarkan pembangunan staf dari segi sahsiah atau kerohanian yang tidak seimbang dengan pembangunan atau latihan kemahiran fizikal, menyebabkan timbul implikasi staf yang tidak mantap sahsiahnya meskipun mahir bekerja, telah menjatuhkan reputasi penjawat awam kerana menyalahi kod etika. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa sesebuah organisasi memerlukan kepada pembangunan staf dari aspek sahsiah atau kemanusiaan. Persoalannya, adakah wujud program pembangunan atau bina sahsiah staf di sesebuah IPTA? Jika ada, bagaimanakah bentuk dan tahap pelaksanaan sesuatu program yang diadakan? Atau adakah program latihan tersebut berpandukan kepada mana-mana model program latihan? Inilah antara masalah yang perlukan kepada jawapan dan kajian.

4. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenalpasti bentuk dan tahap pelaksanaan program bina sahsiah
2. Menganalisis skop kandungan program bina sahsiah yang dilaksanakan
3. Mengenalpasti masalah pelaksanaan program bina sahsiah di IPTA

5. PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah bentuk dan tahap pelaksanaan program bina sahsiah?
2. Apakah skop kandungan program bina sahsiah yang dilaksanakan?
3. Apakah masalah pelaksanaan program bina sahsiah di IPTA?

6. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting untuk berikut:

- i. IPT di Malaysia boleh menjadikan kajian ini sebagai bahan untuk menyusun dan merancang aktiviti latihan berkaitan bina sahsiah. Khusus kepada USM dan UTM, kajian ini merupakan gambaran langsung program berkaitan keislaman yang boleh dimanfaatkan untuk program peningkatan kualiti staf.
- ii. Hasil kajian ini boleh mengenalpasti bentuk, tahap dan kandungan program bina sahsiah antara IPTA dan boleh dijadikan panduan untuk tujuan penyelarasan. Begitu juga permasalahan yang dihadapi dalam program ini boleh dicari jalan penyelesaian serta usaha pembaikan.
- iii. Hasil kajian ini merupakan bahan atau maklumat berguna untuk penghasilan buku atau bahan dokumen IPT terbabit.
- iv. Merupakan perintis kepada kajian lanjutan berhubung penilaian program latihan dalam Islam.

8. SKOP KAJIAN

Kajian ini akan menumpukan kepada spesifikasi skop:

a)Tempat kajian

Iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor dan Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang. Universiti ini dipilih sebagai tempat kajian untuk mengenalpasti kewujudan,

bentuk dan tahap pelaksanaan serta fokus kandungan program Bina Sahsia di kalangan staf-stafnya.

b) Responden Kajian

Iaitu mereka yang bertanggungjawab mengendalikan program keislaman seperti Unit atau Ahli Jawatankuasa Penerapan Nilai-Nilai Islam setiap fakulti, bagi UTM atau pegawai di Pusat Islam, USM. Mereka ini selaku penganjur program bina sahsiah atau program keislaman seperti sambutan Hari Kebesaran Islam, Program Budaya al-Quran dan seumpamanya.

c) Fokus kajian

Iaitu terhadap program bina sahsiah di kalangan staf sahaja, yang mana ini hanya menjurus kepada mengenalpasti sejauh mana kewujudan program-program, bentuk-bentuk, tahap pelaksanaan, kandungan-kandungan yang digunakan di dalam sesuatu program dan masalah yang dihadapi.

9. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan dua pendekatan berikut:

i. Kajian Literature atau kepustakawanan

Iaitu kajian berkaiatan konsep seperti konsep bina sahsiah dan seumpamanya. Bahan bertulis seperti buku, akhbar, jurnal dan rujukan lain diguna pakai dalam kajian ini.

ii. Kerja lapangan atau fieldwork

Iaitu kajian terhadap sumber primer di UTM dan USM dengan menggunakan kaedah temu bual dengan responden berpandukan soal selidik yang berkaitan dengan objektif atau persoalan kajian. Tinjauan umum terhadap perjalanan program juga dilakukan.

Data-data yang dikutip menggunakan dua kaedah tersebut dianalisis secara kualitatif dan dilaporkan secara bertulis.

10. LIMITASI KAJIAN

Kajian terhadap bina syahsiah dikalangan staf bolehlah dikatakan suatu kajian yang agak baru. Ini kerana tidak banyak kajian-kajian yang dilaksanakan seumpama ini. Kebanyakan daripada kajian-kajian yang dilaksanakan lebih menjurus kepada program latihan biasa sahaja bukannya berbentuk latihan spiritual atau bina insan. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan UTM dan UM sebagai model bagi memperolehi maklumat-maklumat dan pengetahuan-pengetahuan program bina sahsiah yang ada menurut apa yang ada. Hasil kajian juga tidak semestinya menggambarkan kewujudan program di UTM dan USM secara keseluruhan kerana hanya beberapa sample saja di ambil, apatah lagi untuk digunapakai kepada seluruh amalan IPTA di Malaysia.

Program bina sahsiah yang diambil kira di dalam kajian juga adalah terhad menurut pandangan pengkaji sahaja. Oleh itu, pengkaji berharap, kajian yang dilaksanakan ini dilihat dari sudut konsep, konteks dan limitasi yang digunakan sahaja.

11. DEFINASI ISTILAH

Program Bina Sahsiah

Sahsiah kepada Kamus Dewan ialah keperibadian atau peribadi.⁷ Jadi, Program Bina Sahsiah ialah sebarang program yang dirancang atau disusun atau dilaksanakan untuk membina keperibadian seseorang insan. Dalam maksud yang digunakan di sini merujuk kepada semua bentuk program keagamaan atau kerohanian atau keislaman yang dilaksanakan di IPTA. Dalam konteks kajian ini, pengkaji hanya memaksudkan program bina sahsiah di UTM adalah Program Budaya al-Quran yang dijalankan oleh setiap unit atau fakulti. Manakala program bina sahsiah di USM adalah program keislaman yang dianjurkan oleh Pusat Islam untuk pembangunan peribadi staf.

NOTA HUJUNG

¹ Abu Ishaq As-Syatibi, (tt), *Al-Muwafaqat fi usul al-ahkam*, Kahirah: Muhammad Ali Subaih, Jld. 2, hlm. 166.

² SMN al-Attas, (1978), *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, hlm. 14-15

³ Cited by M. Kamal Hassan, " Muslim Professionals Facing The Challenges of 21st Century : Beyond Official Code of Ethics," Paper Presented at the National Seminar On Professional Ethics, Organised by UTM in Collaboration with ASASI, IEM, ACEM and PAM on 20-21 October, 1992 , footnote 107. Detail information see Stephen R. Covey, *Principle - Centred Leadership*, London: Simon & Shuster, 1992, pp. 87 - 93.

⁴ *Berita Harian*, (7 Ogos 2002: 13)

⁵ *Berita Harian*, (7 Ogos 2002: 8)

⁶ *Harian Metro*, (2 Ogos 2002: 10A)

⁷ *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1169.

BAB II

KONSEP BINA SAHSIAH

1. PENDAHULUAN

Manusia terdiri dari dua unsur asas iaitu rohani dan jasmani. Kedua-dua unsur ini perlukan kepada makanan dan tuntutan yang perlu dipenuhi. Unsur rohani dengan segala fakultinya seperti akal, hati dan perasaan lebih menepati apa yang dinamakan sahsiah atau personaliti manusia itu sendiri. Lantaran itu, aspek rohani ini perlu dibina dan dikembangkan seiring dengan perkembangan fizikal seseorang. Apabila penekanan hanya diberikan kepada satu unsur jasmani sahaja maka, manusia akan cenderung untuk menjadi materialistik serta keduniaan. Begitupun, jika penekanan diberikan kepada satu unsur rohani sahaja, maka manusia terarah untuk meninggalkan kehidupan dunia. Pada hal, manusia menurut perspektif Islam berperanan untuk memakmurkan dunia ini. Lantaran itu, keseimbangan atau kesepaduan antara unsur rohani dan jasmani inilah merupakan jalan sebaik-baiknya untuk memantapkan sahsiah manusia.

2. KONSEP PEMBINAAN SAHSIAH

Dari perspektif Barat, tumpuan dan keperluan umumnya terarah kepada pemenuhan tuntutan jasmani manusia dalam agenda pembangunan mereka. Pandangan para pemikir misalnya Mark, Weber dan Maslow melihat pembangunan manusia lebih kepada perjuangan untuk memenuhi keperluan jasmani manusia itu sendiri. Antaranya seperti memenuhi keperluan fizikal dan psikologi manusia, meningkatkan status kuasa dan agama di samping

meningkatkan kelas sosial ekonomi yang mereka anggap sebagai menjadi tunjang dalam menentukan pembentukan dan perkembangan struktur sosial masyarakat manusia.¹

Dalam konsep yang sama, satu penyelidikan yang dilakukan di bawah tajaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Ayesha Dias² menyatakan pembangunan manusia diukur kepada peningkatan pembangunan dalam empat aspek. Aspek pertama adalah aspek pembangunan sosial seperti kekurangan kemiskinan, populasi yang dinamik, pendidikan, kesihatan dan perumahan. Kedua, aspek pembangunan ekonomi seperti Keluaran Negara Kasar Negara, perubahan penggunaan barangan dan penggunaan transaksi berteknologi. Ketiga, aspek pembangunan persekitaran, sumber air bersih, lautan, sungai, penggunaan dan pengurusan tanah, kepelbagaian dalam biologi, bioteknologi, pertanian, sistem pembuangan yang cekap seperti sampah sarap, sisa toksid, bahan kimia dan bahan radioaktif. Keempat dan terakhir sekali ialah aspek pembangunan institusi seperti integrasi persekitaran, dan peningkatan dalam membuat keputusan, institusi yang saintifik, institusi yang berdaftar dan kapasiti bangunan.

Islam melihat perspektif pembangunan manusia tidak hanya sekadar memenuhi tuntutan jasmani sahaja. Malah, hakikat asal kejadian insan itu perlu difahami dan dipenuhi tuntutannya. Jika manusia terdiri dari dua unsur sepadu, maka unsur rohani itulah yang menjadi nadi dan tonggak kemanusiaannya. Oleh yang demikian, pembinaan sahsiah atau insan sebenarnya membina hakikat asal kejadian manusia itu sendiri. Tegasnya, Islam melihat pembangunan sahsiah seseorang bukan sahaja berdasarkan kepada pembangunan insan dari aspek jasmani, tetapi merangkumi seluruh aspek rohani, naluri dan akal.³

Imam al-Ghazali melihat pembangunan sahsiah merangkumi keseluruhan aspek diri individu iaitu melibatkan pengetahuan agama, akidah, ibadah, penghayatan al-Quran, adab kehidupan, kehidupan berkeluarga, mencari rezeki, perhubungan sesama manusia, akhlak dan budi pekerti dan pembangunan jiwa dan hati. Manakala Imam al-Nawawi pula melihat pembangunan sahsiah terangkum dalam lapan aspek yang utama iaitu aspek pembangunan akhlak kepada Tuhan, akhlak sesama insan, sosial, adab kehidupan, ibadat, jihad, ilmu dan pengetahuan batasan agama.⁴ Menurut Abdullah Nashih Ulwan pula, pembinaan sahsiah terdiri daripada empat unsur dasar iaitu pembinaan akidah (kepercayaan), ibadah (ritual), akhlak (etika dan moral) dan penampilan (mazhar).⁵

Meskipun sahsiah⁶ berkaitan dengan aspek kerohanian atau dalaman manusia, namun aspek dalaman boleh dilihat menerusi mazahir atau tingkah laku luaran. Ringkasnya, sahsiah manusia boleh dikatakan terbina berasaskan mazahir atau penampilan luaran. Mazahir inilah yang dinamakan akhlak, iaitu terjemahan dari akidah dan amalan atau ibadah seseorang. Atau, tingkah laku luaran atau amalan luaran seseorang berasaskan kepercayaan atau akidah dinamakan sebagai akhlak. Menerusi pembinaan akhlak inilah hakikat manusia itu hendak dibina.

Akhlak adalah perkataan Arab jamak dari "Al Khulq" bermakna tabiat, maruah atau watak, ad'din atau fitrah. Menurut Imam Al Ghazali, Al-Khulq ialah suasana kejiwaan yang mantap yang menerbitkan perbuatan, perbuatan itu terbit secara mudah begitu sahaja tanpa perlu berfikir dan merenung panjang. Sekiranya suasana kejiwaan yang menjadi sumber perbuatan itu memerlukan tindak-tanduk yang baik tetapi jika muncul yang sebaliknya, maka suasana kejiwaan itu dinamakan sebagai akhlak yang buruk.

Menurut Durkheim, sifat-sifat akhlak yang terpenting ialah soal

kewajipan atau kebaikan yang ditinjau sebagai sistem dan kaedah tingkah-laku sosial. Ianya juga ditinjau dari sudut penentuannya tentang tujuan yang baik bagi tingkah-laku manusia dan peranannya mendorong seseorang manusia melakukan kebaikan. Kewajipan-kewajipan ini menurut beliau digariskan oleh masyarakat sendiri untuk kesejahteraannya. Dalam Islam pula, kewajipan ini berasaskan sumber sayariat iaitu al-Qur'an, Sunnah, Ijmak dan Qiyas.

Ibnu Maskawaih pula menakrifkan akhlak sebagai "Suatu keadaan (sikap) diri yang mendorong seseorang bertindak melakukan perbuatan yang serasi dengannya tanpa merenung dan berfikir panjang. Keadaan atau sikap ini terbahagi kepada dua: Pertama, yang tabi'i dan semulajadi. Kedua, yang diperolehi melalui kebiasaan dan latihan sehingga menjadi sehati dan sifat diri.

Aliran tasawwuf seperti Imam Quraishi memberikan penekanan sebagai "*Masuk dalam sifat akhlak yang sunnah dan menjauhkan diri dari sifat yang rendah*". Manakala Al-Junaid pula menjelaskan akhlak mirip dengan erti tasawuf. Beliau menjelaskan: "*Membersihkan hati dari menurut kehendak orang, meninggalkan perangai semulajadi (yang buruk) mereda atau memadamkan sifat manusiawi, menolak ajakan nafsu, menghayati sifat-sifat rohaniah bersandarkan ilmu yang sebenarnya, sentiasa beramal dengan yang lebih utama, sentiasa menasihati ummah, setia dengan Allah dalam berpegang kepada kebenaran dan menurut Rasul dalam syariah (undang-undang Islam)*".

Walau apapun takrifan yang diberikan, pembinaan sahsiah itu sendiri boleh diertikan sebagai membina akhlak, peribadi dan tingkah laku dengan matlamat menjadikan seseorang itu bertamadun, intelek, murni dan berdaya maju. Asas yang diguna pakai dalam membina sahsiah seseorang itu adalah

berteraskan kepada apa yang dimaktubkan oleh agama khususnya agama Allah iaitu Islam. Ini kerana ajaran Islam merupakan ajaran yang telah pun sempurna dari segenap aspek. Allah berfirman: "...Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan aku telah cukupkan nikmatku kepada kamu dan aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu" (Surah al-Maidah: 3).

'Husn al-khuluq' atau 'good character' merupakan satu daripada bekal penting untuk peningkatan roh. Menurut Imam al-Ghazali, pencapaian 'husn al-khuluq' bergantung kepada 'observance of the means'. Menurut beliau, manusia hanya dapat mencapai matlamat hidupnya itu jika pada hujung hayatnya roh itu mempunyai kualiti serupa dengan malaikat. Kualiti inilah yang menunjukkan kebebasan daripada tarikatnya daripada keduniaan. Apabila terlalu ghairah dengan barangan-barangan duniawi, maka lebih cenderunglah manusia untuk melupakan diri dan bergiat dalam kegiatan tunjuk-menunjuk, menjadi tamak haloba, boros dan mengabaikan tanggungjawab. Dengan pengertian yang lain, "personality ethics' telah tergugat.

Secara mudah, pembinaan sahsiah akan tercapai apabila manusia dibina menurut acuan kejadiannya. Manusia perlu mengetahui siapa mereka, fungsi dan peranan, asal usul dan matlamat utama kehidupan mereka di dunia ini serta ke mana akhirnya mereka. Jawapan kepada persoalan ini termaktub dalam kitab wahyu al-Qur'an dan al-Sunnah. Lantaran itu, program pembinaan sahsiah termasuk aktiviti memahami hakikat wahyu dan penghayatan ajarannya.

3. KONSEP BEKERJA MENURUT PANDANGAN ISLAM

Kerja merupakan tugas dan peranan manusia dalam melayari hidup ini.

Pekerjaan adalah suatu tanggungjawab dan tuntutan hidup. Lelaki dan perempuan sama-sama berganding bahu untuk meningkatkan prestasi kerja serta taraf didalam kehidupan. Perspektif kerja dalam Islam berbeza dengan konsep yang diguna pakai oleh barat. Kerja yang dilaksanakan oleh golongan di barat hanya bertujuan untuk meningkatkan taraf kehidupan, menyara keluarga serta meningkatkan ekonomi negara semata-mata tanpa berlandaskan kepada syariat atau agama.⁷

Islam melihat pekerjaan sebagai ibadat. Amal ibadat dapat dibahagikan kepada makna yang umum dan makna yang khusus. Kerja dengan makna umum adalah melakukan atau meninggalkan apa jua perbuatan yang disuruh atau dilarang oleh agama yang meliputi perbuatan yang baik atau jahat. Perbuatan baik dinamakan amal soleh dan perbuatan jahat dinamakan maksiat.

Adapun kerja atau amal dengan maknanya yang khusus iaitu melakukan kerja atau usaha yang menjadi salah satu unsur terpenting dan titik tolak bagi proses kegiatan ekonomi seluruhnya. Kerja dalam makna yang lebih khusus menurut Islam terbahagi kepada dua. Pertama: Kerja yang bercorak jasmani (fizikal). Kedua: Kerja yang bercorak aqli (mental).

Dari keterangan hadis-hadis Rasulullah (s.a.w), terdapat kesimpulan bahawa konsep kerja menurut Islam adalah meliputi segala bidang ekonomi yang dibolehkan oleh syarak sebagai balasan kepada upah atau bayaran, sama ada kerja itu bercorak jasmani (fizikal) seperti kerja buruh, pertanian, pertukangan tangan dan sebagainya atau kerja bercorak aqli (mental) seperti jawatan pegawai, baik yang berupa perguruan, ikhtisas atau jawatan perkeranian dan teknikal kerajaan atau swasta.

Antara hadis-hadis tersebut ialah: “Tidaklah ada makanan seseorang itu yang lebih baik daripada apa yang dimakannya dari hasil usaha tangannya sendiri”. (Riwayat Imam al-Bukhari).

Selain daripada itu, para sahabat menggunakan perkataan pekerja (amil) untuk jawatan orang yang ditugaskan menjadi petugas pemerintahan umpamanya kadi, gabenor dan sebagainya. Oleh yang demikian, segala usaha dan kerja yang dibolehkan oleh syarak baik yang bersifat kebendaan atau abstrak atau gabungan dan kedua-duanya adalah dianggap oleh Islam sebagai kerja. Segala kerja yang bermanfaat Islam dan yang sekecil-kecilnya seperti menyapu longkang hingga kepada yang sebesar-besarnya seperti menjadi menteri atau kepala Negara adalah merupakan kerja atau amal sekalipun ianya berlainan peringkat dan kelayakan yang diperlukan olehnya. Berdasarkan konsep ini maka menurut pandangan Islam, masyarakat seluruhnya dan semua peringkat adalah pekerja.

Oleh yang demikian, konsep kerja seperti ini membawa implikasi sosial yang penting. Antaranya:

1. Bahawa asal manusia adalah sama sebagai manusia dan pekerja yang mempunyai kemuliaan dan kehormatan sekalipun perbezaan itu tidaklah merupakan keistimewaan satu pihak terhadap yang lain.
2. Para pekerja bukanlah hanya satu kelompok dari masyarakat, bahkan mereka adalah semua anggota masyarakat. Jadi menurut konsep Islam bahawa masyarakat itu adalah tersusun atau terbentuk dari kerjasama antara sesama para pekerja di dalamnya, bukan terdiri dari kumpulan para pekerja dan para majikan seperti yang difahami menurut sistem ekonomi komunis atau kapitalis.

Islam menjadikan kerja sebagai tuntutan atau fardu atas semua umatnya selaras dengan dasar persamaan yang diisytiharkan oleh Islam bagi menghapuskan sistem yang membeza-bezakan manusia mengikut darjat atau kasta dan warna kulit. Firman Allah dalam hal ini yang bermaksud:

“Wahai sekalian manusia, sesungguhnya kami menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan dan kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya orang yang termulia di antara kamu disisi Allah ialah orang yang bertakwa.” (Surah al-Hujarat: 13)

Dengan menggunakan segala unsur-unsur perbezaan darjat atau warna kulit, maka kerja menurut islam menjadi suatu tuntutan kewajipan yang menyeluruh atas setiap orang yang mampu bekerja untuk mencapai kebahagiaan individu dan juga masyarakat. Jadi sesuatu kerja itu tidak hanya khusus untuk golongan hamba abdi semata-mata seperti sebelumnya. Firman Allah yang bermaksud:

“Dan katakanlah wahai Muhammad, beramallah kamu akan segala apa yang diperintahkan, maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan.” (Surah al-Taubah: 105)

Islam juga meningkatkan tuntutan kerja itu sehingga ke tahap kewajipan agama. Oleh itu tahap iman sentiasa dikaitkan oleh al-Quran dengan amal soleh atau perbuatan baik. Ini bererti Islam itu adalah akidah yang mesti diamalkan dan amalan yang mesti berakidah secara tidak terpisah. Seperti firman Allah bermaksud : “Demi masa, sesungguhnya sekalian manusia dalam kerugian kecuali mereka yang beriman dan bermal soleh.”(Surah al-Asr: 1 - 3)

Islam menjadikan kerja sebagai sumber untuk melakukan penilaian dan ukuran terhadap seseorang insan. Firman Allah menjelaskan hal ini yang bermaksud: “Dan bahawa sesungguhnya tidak ada balasan bagi seseorang itu melainkan balasan apa yang telah diusahakan.”(Surah al-Najm: 39)

Dalam konteks yang sama, Allah berfirman lagi yang bermaksud:

“Dan bagi tiap-tiap seseorang beberapa darjat tingkatan balasan disebabkan amal yang mereka kerjakan dan ingatlah Tuhan itu tidak lalai dari apa yang mereka lakukan.” (Surah al-An’am: 132)

Kerja sebagai sumber nilai manusia bererti manusia itu sendiri menentukan nilai atau harga ke atas sesuatu perkara itu. Sesuatu perkara itu pada zatnya tidak ada apa-apa nilai kecuali kerana nisbahnya kepada apa yang dikerjakan oleh manusia bagi menghasil, membuat, mengedar atau menggunakannya. Kerja juga merupakan sumber yang objektif bagi menilai prestasi manusia berasaskan segi kelayakan. Oleh yang demikian Islam menentukan ukuran dan syarat-syarat kelayakan dan juga syarat-syarat kegiatan bagi menentukan suatu pekerjaan atau jawatan itu supaya dapat dinilai prestasi kerja seseorang itu. Dengan cara ini, Islam dapat menyingkirkan perassan pilih kasih dalam menilai prestasi seseorang sama ada segi social, ekonomi dan politik.

Islam mewajibkan setiap umatnya bekerja untuk mencari rezeki dan pendapatan bagi menyara hidupnya. Islam memberi berbagai-bagai kemudahan hidup dan jalan-jalan mendapatkan rezeki di bumi Allah yang penuh dengan segala nikmat ini. Firman-Nya yang bermaksud : “Dan sesungguhnya Kami telah menetapkan kamu (dan memberi kuasa) di bumi dan Kami jadikan kamu

padanya (berbagai-bagai jalan) penghidupan.” (Surah al-A’raf: 168)

Dan firman-Nya lagi yang bermaksud:

“Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu mudah digunakan, maka berjalanlah dimerata-rata ceruk rantainya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah dan kepada-Nya jualah dibangkitkan hidup semula.” (Surah al-Mulk: 15)

Islam memerintahkan umatnya mencari rezeki yang halal kerana pekerjaan itu adalah bagi memelihara maruah dan kehormatan manusia. Firman Allah yang bermaksud: “Wahai sekalian manusia, makanlah dari apa yang ada di muka bumi yang halal lagi baik.” (Surah al-Baqarah:168) Sementara dalam konteks yang sama, sabda Nabi (s.a.w) bermaksud: “Mencari kerja halal itu wajib atas setiap orang Islam.”

Oleh yang demikian, Islam sebaliknya mencela kerja meminta-minta atau mengharapkan pertolongan orang lain kerana ianya boleh merendahkan harga diri atau maruah. Dalam sebuah hadis Rasulullah (s.a.w) bermaksud : “Bahawa sesungguhnya seseorang kamu pergi mengambil seutas tali kemudian mengikat seberkas kayu api lalu menjualnya hingga dengan sebab itu ia dapat memelihara harga dirinya, adalah lebih baik daripada pergi meminta-minta kepada orang sama ada mereka memberinya atau menolaknya.”

Islam mewajibkan kerja untuk tujuan mendapatkan mata pencarian hidup dan secara langsung mendorong kepada kemajuan sosio-ekonomi. Islam mengambil perhatian yang bersungguh-sungguh terhadap kemajuan umat kerana itu ia sangat menekankan kemajuan di peringkat masyarakat dengan

menggalakkan berbagai kegiatan ekonomi sama ada di sektor pertanian, perusahaan dan perniagaan atau aktiviti keilmuan seperti di menara gading atau IPT.

Terdapat banyak hadis Rasulullah (s.a.w) yang menerangkan konsep kerja dan memberi dorongan ke arah pekerjaan. Sebagai contoh, sabda Rasulullah s.a.w bermaksud: "Tidaklah seseorang mukmin itu menyemai akan semaian atau menanam tanaman lalu dimakan oleh burung atau manusia melainkan ianya adalah menjadi sedekah. Sabda Rasulullah s.a.w. lagi bermaksud: "Sebaik-baik usaha ialah usaha seorang pengusaha apabila ia bersifat jujur dan nasihat-menasihati."

Rasulullah s.a.w meletakkan para peniaga yang jujur dan amanah pada kedudukan yang sejajar dengan para wali, orang-orang yang benar, para syuhada' dan orang-orang soleh dengan sabda bermaksud: "Peniaga yang jujur adalah bersama para wali, orang-orang siddiqin, para syuhada' dan orang-orang yang soleh." Manakala bekerja untuk aktiviti keilmuan pula, baginda pernah bersabda yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi maksudnya: Sesiapa yang keluar menuntut ilmu, maka sesungguhnya dia berada pada jalan Allah sehinggalah dia kembali."

Hadis di atas menunjukkan bahawa staf yang bekerja di IPTA atau universiti selamanya melakukan amal ibadat serta berjuang pada jalan Allah jika betul cara dan cukup syaratnya.

4. SAHSIAH BERLANDASKAN SYARIAT ISLAM

Manusia sudah pasti tidak dapat mencapai tahap keperibadian yang tinggi tanpa berusaha. Keranan itu, manusia perlu berusaha dan bersedia mengubah dirinya sendiri untuk menuju ke arah pembentukan yang lebih baik. Usaha pembinaan sahsiah perlukan komitmen yang berterusan serta kesabaran yang tinggi. Contoh perjuangan para nabi tanpa mengenal erti jemu dan erti putus asa dengan halangan sewaktu membina umat adalah satu usaha pembinaan sahsiah insan yang berlaku dalam sejarah hidup untuk dijadikan iktibar.⁸

Manusia merupakan faktor pertama yang dapat mewarnai serta mengubah kehidupannya samada untuk menjadi jahat atau baik, kotor atau bersih, bertakwa atau kufur, beriman atau jahil dan soleh atau munafik.

Sahsiah yang berteraskan hukum syara' ialah manusia yang menerima dan tunduk patuh kepada akhlak yang diolah dan dibentuk mengikut acuan Allah. 'Sifatullah' itulah yang disebut dengan '*al-Rabbaniyyah fi al-akhlak*' iaitu membentuk diri dengan unsur kerohanian atau kejiwaannya mengikut acuan Allah. Tentunya usaha dan proses pembentukan diri atau peribadinya itu dapat dilaksanakan setelah ianya menerima, menyerah dan sujud kepada nilai-nilai akhlak seperti yang ditentukan dan di pertontonkan oleh 'model akhlak' yang diiktiraf oleh Allah iaitu nabi Muhammad s.a.w.⁹

Beberapa nilai yang baik dalam akhlak Islam yang menjadi tonggak amalan bagi membina sahsiah atau melahirkan individu unggul ialah:

i. Amanah

Amanah adalah sifat mulia yang mesti diamankan oleh setiap orang. Ia adalah asas ketahanan umat, kestabilan Negara, kekuasaan, kehormatan dan roh kepada keadilan. Firman Allah bermaksud:

“Maka tunaikanlah oleh orang yang diamanahkan itu akan amanahnya dan bertakwalah kepada Allah, Tuhannya.” (Surah al-Baqarah: 283)

ii. Ikhlas

Ikhlas adalah inti setiap ibadat dan perbuatan. Ikhlas adalah pekerjaan hati tetapi merupakan manifestasi kepada sahsiah yang terbina. Firman Allah bermaksud:

“Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlasakan ibadat kepada-Nya.” (Surah al-Bayyinah: 5)

Ikhlas akan menghasilkan kemenangan dan kejayaan. Masyarakat yang mengamalkan sifat ikhlas akan mencapai kebaikan dunia dan akhirat, bersih daripada sifat kerendahan dan mencapai perpaduan, persaudaraan, perdamaian dan kesejahteraan. Sabda Rasulullah saw riwayat Imam al-Baihaqi yang bermaksud :

“Bahagialah dengan limpahan kebaikan bagi orang-orang yang bila dihadiri (berada dalam kumpulan) tidak dikenali, tetapi apabila tidak hadir tidak pula kehilangan. Mereka itulah pelita hidayat. Tersisih daripada mereka segala fitnah dan angkaraorang yang zalim.”

iii. Tekun

Islam menggalakkan umatnya supaya tekun apabila melakukan sesuatu

pekerjaan sehingga selesai dan berjaya. Sabda Rasulullah saw riwayat Abu Daud bermaksud:

“Sesungguhnya Allah swt menyukai apabila seseorang kamu bekerja, dia melakukan dengan tekun.”

Sifat tekun akan meningkatkan produktiviti ummah, melahirkan suasana kerja yang aman dan memberikan kesan yang baik kepada masyarakat, di samping sahsiah seseorang staf atau pekerja itu sendiri.

iv. Berdisiplin

Berdisiplin dalam menjalankan sesuatu kerja akan dapat menghasilkan mutu kerja yang cemerlang. Hasrat Negara untuk maju dan cemerlang akan dapat dicapai dengan lebih cepat lagi. Dengan berdisiplin seseorang itu akan dapat menguatkan pegangannya terhadap ajaran agama dan menghasilkan mutu kerja yang cemerlang.

v. Bersyukur

Bersyukur merujuk kepada terima kasih hamba terhadap Allah dalam pelbagai bentuk. Dalam konteks untuk membentuk peribadi yang baik, istilah bersyukur boleh dilihat dalam dua keadaan. Pertama: Sebagai tanda kerendahan hati terhadap segala nikmat yang diberikan oleh Pencipta sama ada sedikit atau banyak. Kedua: Bersyukur sesama makhluk sebagai ketetapan daripada Allah swt supaya kebajikan sentiasa dibalas dengan kebajikan. Allah swt berfirman bermaksud:

“Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur, maka Aku akan tambahkan nikmatKu kepada kamu dan sekiranya kamu kufur, sesungguhnya azabKu amatlah keras.”
(Surah Ibrahim : 7)

vi. Sabar

Dalam menghadapi cabaran hidup, kesabaran amat penting untuk membentuk peribadi unggul. Mereka yang sentiasa bersabar, dapat mengawal diri daripada dikuasai putus asa apabila menerima sesuatu ujian atau ketika menghadapi sesuatu tekanan. Di dalam keadaan tertekan, mereka dapat mengawal diri supaya bertindak secara bijaksana, mengikut pertimbangan akal yang waras dan tidak tergesa-gesa.

Terdapat dua keadaan seseorang itu memerlukan kesabaran bagi mencapai kemenangan dan kejayaan. Pertama: Kesabaran ketika seseorang itu menghadapi keadaan tertekan, tidak berkuasa, tidak upaya, lemah dan tertindas. Kedua: Kesabaran ketika seseorang itu mempunyai kuasa, hidup dikelilingi kemudahan dan nikmat serta ada kekuatan atau keupayaan melakukan apa sahaja yang dikehendaki.

Dengan kata lain, kesabaran menghadapi keadaan sukar adalah menahan diri daripada perasaan mudah mengalah, putus asa, kecewa dan sebagainya sehingga dapat mengelakkan perasaan itu menguasai diri yang boleh mendorong seseorang itu mengambil tindakan yang kurang bijaksana. Ramai manusia berupaya menahan sabar dalam keadaan susah ini.

Bagaimanapun, berbeza dengan kesabaran ketika manusia berada di dalam keadaan senang. Keadaan yang dihadapi oleh seseorang itu agak lebih

rumit sewaktu senang dan berkuasa. Ini kerana segala kesempatan dan peluang di depan mata akan digunakan sepuas-puasnya bagi melayani hawa nafsu, sekalipun ianya menyalahi undang-undang, adat atau syara'. Sebenarnya orang yang mampu bersabar dalam keadaan ini lebih mulia dan lebih tinggi darjatnya. Firman Allah swt yang bermaksud :

“Wahai orang-orang yang beriman, bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara kebajikan) dan kuatkanlah kesabaran kamu (lebih daripada kesabaran musuh di medan perjuangan) dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertaqwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya.” (Surah Ali-Imran: 200)

vii. Adil

Adil bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya. Para ulama membahagikan adil kepada beberapa peringkat iaitu adil kepada diri sendiri, orang bawahan, pemimpin atasan dan juga sesama saudara. Sabda Rasulullah riwayat Abu Syeikh yang bermaksud:

“Tiga perkara yang menyelamatkan iaitu takut kepada Allah ketika bersendirian dan ketika ramai, berlaku adil pada ketika suka dan marah dan berjimat cermat ketika susah dan senang; dan tiga perkara yang membinasakan iaitu mengikut hawa nafsu, terlampau bakhil dan kagum seseorang terhadap dirinya sendiri.”

Namun, sahsiah sebegini hanya terbina dan dapat dicapai apabila sifat-sifat tersebut selaras dan bertepatan dengan niat dan amal seseorang manusia itu. Dengan demikian, sekaligus ianya dapat melahirkan hakikat ibadah dan ubudiyah yang sudah dijamin oleh Allah serta mendapat balasan yang baik.

Lantaran itu, seringkali kita dapati di dalam al-Qur'an mahupun al-hadith

juga meyeru dan menegaskan bahawa teraju pemerintahan dunia dan tamadun itu mestilah berada di tangan pemerintah yang patuh dan menyerah diri kepada Allah dan kehakiman pemerintahan-Nya. Walaupun diketahui bahawa tidak semua manusia menganut dan mengamalkan ajaran Islam tetapi yang pentingnya disini ialah teraju kekuasaan dan pemerintahan dunia dan tamadunnya berada ditangan manusia yang tunduk dan sujud kepada Allah. Apabila ini terjadi pada sesebuah negara nescaya rakyat yang dipimpinnya turut sama merasa malu dan mengamalkan amalan-amalan yang baik sebagaimana yang diamalkan oleh pemimpinnya. Ini merupakan salah satu daripada langkah atau cara untuk melahirkan umat yang baik di dalam sesuatu tamadun. Maka, sesiapa yang mengamalkan cara ini jelas diperlihatkan oleh Allah seperti sejarah nabi Sulaiman dan kerajaannya. di mana kesejahteraan akan melimpah ruah menyelimuti umat manusia.

Dengan demikian, menjadi sesuatu yang wajar jika manusia mengamalkan syahsiah yang tinggi nilainya yang berlandaskan syariat Islam untuk mencapai nilai-nilai yang baik di dalam hidupnya samada di dunia ataupun di akhirat. Dengan itu juga, galakkan untuk membaiki syahsiah harus dipertingkatkan agar taraf kehidupan seseorang itu semakin berkualiti. Di dalam hubungan ini Allah telah menegaskan dalam al-Qur'an bermaksud:

“Setiap orang yang beramal soleh dari laki-laki dan perempuan sedangkan ia seorang Mukmin, maka pasti Kami (Allah) akan berikan dia di dalam keadaan hidup yang bahagia” (Surah al-Nahl: 97).

5. BENTUK HUBUNGAN DALAM PEMBINAAN SAHSIAH

Pembinaan sahsiah manusia perlu melibatkan banyak hubungan seseuai dengan

ciri manusia sebagai makhluk sosial. Sahliah atau akhlak manusia dapat dilihat melalui tiga keadaan iaitu:¹⁰

1. Akhlak ketika manusia berhubungan (Ibadat) dengan Allah.
2. Akhlak ketika manusia berhubungan (muamalat) sesama manusia
3. Akhlak ketika berhubungan dengan alam sekitar

i. Hubungan Manusia Dengan Allah

Dewasa ini dunia yang kita diami sedang ditimpa pelbagai kesulitan dan keresahan. Hampir segenap manusia yang berakal sekarang ini menghadapi keresahan di dalam hidupnya. Kebimbangan dari sudut ekonomi, rumahtangga, politik dan sebagainya seringkali menjadi beban yang harus dihadapi.

Kerunsingan yang paling ketara ialah yang berupa kealpaan kepada Allah sekaligus membelakangkan ajaran-ajaran yang diajar dan diperintahkan untuk dilaksanakan. Allah telah berfirman yang bermaksud:

“Ditimpakan kepada mereka kehinaan (kesengsaraan) di mana saja mereka berada, kecuali jika mereka berpegang kepada tali Allah dan tali (hubungan) manusia” (Surah Ali Imran: 112)

Sebagaimana yang dijelaskan di dalam al-Qur'an mahupun di dalam al-Hadith, Allah bersifat dengan sifat pemurah dan kasihsayang iaitu al-Rahman dan al-Rahim terhadap semua makhluk- Nya samada yang baik atau yang jahat, kafir atau Islam. Ini terbukti apabila Allah mengurniakan nikmat-nikmat-Nya kepada semua makhluk tanpa mengira status atau kedudukan seperti nikmat penglihatan, pendengaran, merasa dan lain-lain lagi yang tidak dapat diciptakan oleh manusia. Namun demikian, perlu di ingat, sifat al-Rahim Allah hanya

kepada makhluknya yang mukmin atau orang-orang yang beriman sahaja.

Dengan demikian, manusia hendaklah sentiasa mengigati Allah. Ini kerana jika manusia lalai dalam mengigati Allah, nescaya mereka tidak akan takut melakukan sesuatu yang mungkar. Jika kealpaan manusia berterusan, nescaya rahmat dan nikmat yang dijanjikan oleh Allah akan bertukar dan diganti oleh Allah dengan laknat dan bahaya yang besar kerana itulah sunnah Allah yang berlaku dalam kehidupan manusia sebelum ini.

Kealpaan manusia terhadap Allah menjadikan seseorang itu semakin hina. Justeru, manusia dituntut supaya sentiasa mengigati Allah didalam apapun keadaan. samada ketika sakit, bermusafir mahupun ketika di dalam peperangan. Kesemuanya ini merupakan kayu ukur sejauhmanakah hubungan manusia dengan Allah s.w.t.

Allah s.w.t berkali-kali telah menerangkan didalam al-quran bahawa hubungan yang baik antara manusia dan Allah akan melahirkan suatu nikmat yang tidak terhingga. Ini merupakan janji Allah s.w.t terhadap hamba-hambanya. Hubungan yang dimaksudkan disini bolehlah dianggap sebagai 'sifat ketaatan' iaitu ketaatan dalam melakukan apa yang diperintahkan dan meninggalkan apa yang dilarang. Jika dilihat banyak daripada contoh-contoh dari dahulu hingga sekarang , Allah sentiasa menunjukkan jalan yang mudah dan memberikan nikmat-nikmatnya kepada mereka yang patuh dan beramal soleh kepadanya.

Kejadian-kejadian dan contoh-contoh kenikmatan Allah yang dahulu yang boleh dijadikan iktibar telah diceritakan di dalam kitab-kitab Allah iaitu al-Qur'an dan sunnah Rasulullah s.a.w. dan ianya juga boleh berlaku ke atas para

rasul dan nabi-nabi, ahli sufi, wali-wali Allah dan juga orang biasa yang benar-benar beriman kepada Allah dan mengamalkan sunnahnya.

Peristiwa ke atas diri nabi Isa a.s. dan pengikut-pengikut beliau juga boleh dijadikan iktibar dan panduan kepada umat Islam keseluruhannya. Baginda dan pengikutnya telah dikirimkan oleh Allah dengan makanan dan hidangan yang lazat dari langit ketika beliau kekurangan makanan dan lapar sehari-hari lamanya ketika dikejar oleh musuh-musuh beliau.¹¹

Jika diperhatikan Allah dan manusia sentiasa berhubungan. Ini dapat dilihat apabila manusia sentiasa dihujani oleh Allah dengan rahmat dan nikmatnya dengan penjagaan dan perlindungannya. Hubungan Allah dengan manusia juga dapat dilihat sejak awal kejadian manusia lagi iaitu dari mula kejadian manusia iaitu dari setitis air mani kemudian menjadi segumpal darah sehinggalah pengakhiran pemprosesan manusia.

ii. Hubungan Manusia Sesama Manusia

Manusia diciptakan oleh Allah s.w.t. sebagai khalifah dimuka bumi ini dalam bentuk berpasang-pasangan iaitu lelaki dan perempuan. Ini bertujuan, manusia dapat mengembangkan dan membiakkan lagi keturunan atau baka-baka manusia terutamanya keturunan yang baik, beramal soleh serta kuat bertakwa kepada Allah agar mereka dapat menjadi pemangkin kepada kekuatan agama Islam untuk generasi yang seterusnya. Dalam konteks organisasi atau pekerja, hubungan sesame manusia ini perlu direalisasikan dalam konteks peraturan dan berpandukan hubungan manusia dengan Allah di atas.

Hubungan manusia dengan manusia lain dijadikan sebagai fitrah. Manusia sentiasa bergantung dan saling perlu memerlukan diantara satu sama lain. Manusia tidak boleh menjalani kehidupan di dunia ini bersendirian. Ini dapat dilihat melalui sejarah permulaan penciptaan manusia. Di mana nabi Adam a.s. dan Hawa dicampakkan ke dunia dengan dipisahkan antara keduanya pada mulanya namun, akhirnya mereka ditemukan kembalinya kerana Allah mengetahui terdapat keperluannya apabila mereka disatukan.

Perhubungan sesama manusia yang dimaksudkan adalah yang bertunjangkan kepada iman dan takwa. Ini kerana iman dan takwa dapat memantapkan lagi hubungan antara satu sama lain. Melalui perpaduan tersebut pula, ia dapat mengikis perasaan prasangka, dendam, dengki dan lain-lain penyakit hati yang membinasakan ummah.

Perhubungan sesama manusia yang berasaskan kepada maksiat akan membawa kepada kehancuran dan kemusnahan. Ini kerana setiap Mukmin menginsafi bahawa 'tawakkal' merupakan neraca piawaian yang sebenar-benarnya di sisi Allah. Bukannya kekayaan, kedudukan dan warna kulit yang menjadi ukuran duniawi kejayaan dan kegagalan seseorang. Sabda Rasulullah s.a.w. riwayat Imam al-Bukhari yang bermaksud: "Perbandingan seorang Mukmin dengan Mukmin yang lain ialah seperti sebuah binaan yang terdiri dari bahan-bahan yang saling menyokong antara satu sama lain sehingga tercipta sebuah binaan."

Hubungan manusia sesama manusia merupakan tata kedua dalam pola hubungan yang dalam prinsip oleh Islam. Al-Qur'an menekankan hubungan manusia sesama manusia yang dikenali sebagai muamalat adalah lebih luas jika

dibandingkan dengan istilah yang digunakan oleh manusia didalam kehidupan seharian. Ada yang menggunakan istilah muamalah berdasarkan kepada perbuatan dalam kehidupan seharian sesama mereka mengenai harta seperti hukum jual beli, sewa menyewa, upah mengupah, pinjam meminjam, perkongsian dan sebagainya. Ada pula yang memberi maksud sebagai urusan keduniaan seperti jual beli, upah mengupah, pinjam meminjam dan sebagainya.

Menurut perspektif Islam, hubungan manusia sesama mereka meliputi undang-undang kekeluargaan, undang-undang sosial dan undang-undang jenayah. Apabila muamalat Islam membawa erti sebagai tata pergaulan hidup, maka dengan sendirinya kekeluargaan atau jenayah termasuk di dalamnya.

Dari sini jelas menunjukkan bahawa hubungan manusia yang bukan Islam berdasarkan kepada pengalaman, tradisi, pemikiran dan cita-cita manusia semata-mata. Manakala hubungan yang berteraskan Islam adalah yang berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang telah ditradisikan dan diaturkan oleh sumber utama umat Islam dan mengikut pemikiran manusia tetapi perkara tersebut hanya bertindak sebagai cara pelaksanaan bukannya menyusun prinsip.

Islam telah menggariskan bahawa sistem perhubungan antara manusia sesama manusia tersusun sebagaimana berikut:

1. Hubungan dengan diri sendiri
2. Hubungan dengan keluarga atau ibu bapa
3. Hubungan dengan jiran
4. Hubungan dengan masyarakat Muslim
5. Hubungan dengan masyarakat bukan Islam

iii. Hubungan manusia dengan alam sekitar

Berbanding dengan alam, Allah menjadikan kejadian manusia sebaik-baik kejadian dan memuliakan mereka dengan setinggi-setinggi kemuliaan. Firman Allah yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam dan Kami telah berikan mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut dan kami telah berikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik serta kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.” (Surah al-Isra’: 70)

Allah telah melengkapkan mereka dengan akal, tinggikan darjat mereka dengan taklif (tanggungjawab syara’), melantik mereka menjadi khalifah di muka bumi ini supaya mereka mengimarahkannya dan memuliakan mereka dengan menjadikan risalah Islam serasi dengan fitrah mereka. Allah juga telah mengajar manusia apa yang mereka tidak tahu dan menyuruh mereka mengkaji, memerhati, berfikir dan merenung melalui berbagai-bagai bentuk gesaan yang dapat dilihat di dalam al-Quran terhadap alam. Alam merupakan ayat atau tanda bagi orang yang berfikir, terutamanya dalam aktiviti keilmuan di menara gading.

Islam mengajar manusia agar melakukan perhubungan yang baik dengan alam sekitar dengan cara menjaga alam kejadian Allah ini sebaik yang mungkin. Alam ini dijadikan dalam bentuk berimbang dan dalam keadaan yang harmonis. Oleh itu, manusia mempunyai amanah dan tanggungjawab terhadap alam serta tidak mempunyai hak untuk mencabulinya sesuka hati.

Dengan demikian, Islam sebagai agama yang syumul telah mendedahkan manusia bagaimana kaedah yang harus digunapakai didalam menjaga perhubungan dengan alam sekitar, begitu juga jalan penyelesaian yang harus diambil dan perspektif yang tersendiri tentang alam sekitar.

Sebenarnya apa yang dimaksudkan dengan perlunya menjaga perhubungan yang baik dengan alam sekitar disini ialah cara manusia itu bertindak apabila berhubungan dengan alam sekitarnya sepertimana yang dititikberatkan oleh tamadun Islam.

Di atas muka bumi contohnya terdapat pelbagai haiwan liar dan jinak yang boleh ditenak bagi dijadikan makanan yang enak dan berkhasiat. Tumbuh-tumbuhan pula dijadikan oleh Allah s.w.t. untuk membolehkan manusia mendapat kenyamanan untuk berteduh dibawahnya, dijadikan bahan binaan rumah, perabot dan buahnya boleh dijadikan makanan yang lazat.

Dalam perut bumi pula terdapat pelbagai galian yang boleh digunakan untuk pelbagai tujuan industri untuk menghasilkan pelbagai kenderaan, alat binaan, perhiasan dan lain-lain lagi. Hal ini dijelaskan oleh Allah dalam firman-Nya: "Dan Dialah yang telah menurunkan air hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air itu segala macam tumbuh-tumbuhan, maka kami keluarkan daripada tumbuh-tumbuhan itu tanaman-tanaman yang menghijau. Kami keluarkan dari tanaman yang menghijau itu butir-butir yang banyak dan daripada mayang kurma yang mengurai tangkai-tangkai yang menjurai. (dan daripada air itu kami keluarkan pula) kebun-kebun anggur dan kami keluarkan pula zaitun dan delima yang serupa dan tidak serupa. Perhatikanlah buah-

buah pada ketika pohonnya berbuah dan (perhatikan pula) kematangannya. Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang beriman” (Surah al-An’am: 99).

Islam tidak pernah menjadi batu pehalang atau membelenggu kebebasan sebarang kajian, penyelidikan atau penerokaan sumber alam yang sedia ada. Ini kerana ia merupakan sebahagian daripada sunnah Allah dalam penciptaannya. Walaubagaimanapun islam tidak pernah meninggalkan pintu terbuka tanpa sebarang panduan yang memandu hasil sesuatu penerokaan sebelum ianya didedahkan kepada umum tanpa disaring dengan lapisan syara’, sehingga dapat diasingkan penerokaan yang harus dari yang haram.

Islam tidak mungkin mengizinkan sesuatu pelaksanaan itu dijalankan hanya semata-mata ia boleh dilaksanakan. Sebaliknya ia hendaklah dipastikan sebagai pencapaian yang bermanfaat, membawa kebaikan kepada manusia dan seluruh kejadian ciptaanNya dan menghalang keburukkan daripadanya. Hasil penerokaan yang dilaksanakan itu juga hendaklah menjurus kepada memelihara kemuliaan alam, kedudukan dan matlamatnya. Ia tidak boleh dijadikan ladang untuk tujuan penyelidikan atau ujian semata-mata. Dalam masa yang sama penerokaan mestilah yang berbentuk mesra alam, yang tidak merosakkan dan memusnahkan alam sekitarnya serta membunuh kehidupan lain seperti haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Dalam kaedah fiqh: *“Sekiranya sesuatu perkara yang hendak dilaksanakan itu jelas akan mencetuskan lebih banyak keburukkan berbanding kebaikan, maka rancangan tersebut perlulah dibatalkan atau dicari alternatif yang lain.”*

Dengan demikian, hubungan manusia dengan alam sekitar yang berteraskan kepada pendidikan Islam harus ditanam di dalam diri seseorang. Ini

kerana pendidikan berteraskan Islam adalah pendidikan yang berteraskan kepada ajaran tauhid. Dimana, ianya menerangkan tentang kedudukan dan peranan manusia di alam ini. Istilah yang dikaitkan dengan memakmurkan alam ini adalah merangkumi semua aspek kehidupan manusia, sama ada yang berkaitan dengan penciptanya, sesama manusia atau alam sekitarnya. Di samping itu, keseimbangan yang dimaksudkan oleh Islam sejak dahulu adalah merupakan prinsip asas sains alam sekitar. Di mana termasuk didalamnya sains alam. Secara kasarnya sains islam merupakan hubungan berbbagai dimensi antara pelbagai makhluk dan benda, analisis dan rumusan. Kesatuan alam sekitar, sintesis dan kesimpulan. Ringkasnya sains islam adalah berasaskan kepada institusi yang mendalam terhadap sifat saling bergantung dan berhubungan antara semua benda dan makhluk yang terdapat di alam ini.

Jelaslah disini bahawa akhlak manusia tidaklah terbatas kepada peringkat atau didalam keadaan yang tertentu sahaja sebaliknya ia merangkumi segenap segi iaitu berkaitan dengan Allah, manusia dan alam semesta (termasuklah haiwan, tumbuh-tumbuhan, bahan-bahan galian dan lain-lain ciptaan-Nya).

Di samping itu keseimbangan yang disarankan oleh islam, sejak dari dulu lagi adalah merupakan prinsip asas sains alam sekitar, di mana termasuk didalamnya sains Islam. Secara kasarnya Sains Islam merupakan hubungan berbagai dimensi antara pelbagai makhluk dan benda, analisis dan rumusan kesatuan alam sekitar, sintesis dan kesimpulan. Pendek kata, sains Islam adalah berasaskan kepada institusi yang mendalam terhadap sifat saling bergantung dan berhubungan antara semua makhluk yang terdapat di alam ini.

Namun apa yang menjadi kekesalan dewasa ini ialah hubungan syahsiah

manusia, bilamana mereka berhubungan dengan alam semesta seperti melaksanakan pencerobohan, kajian dan sebagainya adalah lebih menjurus kepada kehendak tahsiniyah (pengindahan) sedangkan di dalam Islam telahpun digariskan bahawa pembangunan atau pembinaan yang hendak dijalankan hendaklah berasaskan kepada maqasid syara' (matlamat syara') iaitu kepentingan daruriyat (darurat) diutamakan daripada kepentingan hajiyyat (keperluan) dan kepentingan tahsiniyah (pengindahan).

Kepentingan daruriyat terdiri daripada lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, harta dan maruah. Kepentingan hajiyyat pula adalah perkara keperluan asas seperti pendidikan, tempat tinggal dan makanan, manakala tahsiniyat seperti akhlak dan adab.

Dengan demikian, mereka yang mematuhi asas-asas tersebut pasti mendapat keredhaan dan kesejahteraan hidup. Allah telah berfirman maksudnya : "Barangsiapa yang mengikut petunjukku maka, tidak akan ada kekhuatiran dan kesedihan bagi mereka dalam kehidupan di dunia dan juga di akhirat nanti". (Surah al-Baqarah: 38)

Menyedari kepada hakikat ini, jika diperhatikan pembinaan-pembinaan yang dilaksanakan hanya berhubungan dengan beberapa golongan yang tertentu sahaja. Contohnya sistem-sistem pembinaan bangunan-bangunan pencakar langit, jambatan-jambatan yang besar serta yang berasaskan teori-teori barat dikatakan dapat membangunkan sesebuah negara ke tahap negara maju dan juga formula terbaik kepada kesejahteraan rakyat sedangkan yang paling banyak memperolehi keuntungan ialah para usahawan dan ahli-ahli korporat yang telah sedia maklum di dalam hal-hal sebegini. Manakala golongan miskin

akan terus miskin ekoran daripada keuntungan yang dikaut oleh golongan usahawan dan jurang yang besar diantara kedua-duanya.

Dengan demikian, sebelum sesuatu penerokaan dilaksanakan, kesejahteraan sejagat haruslah dititikberatkan. Pastikan keperluan asas, keselamatan, akidah, nyawa dan harta terjamin manakala maruah pula hendaklah terbela. Sabda Rasulullah (s.a.w) yang bermaksud : “ Telah mengampuni Allah Azza Wajalla bagi seorang laki-laki yang telah memindahkan duri dari tengah jalan akan segala dosa-dosanya yang lama dan yang baru.”(Hadith Sahih dari Abu Hurairah).

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi yang bermaksud : “ Pada suatu hari, seorang lelaki berjalan dalam keadaan sangat dahaga lalu dia menemui sebuah sumur. Dia memasuki sumur itu lalu meminumnya. Setelah dia keluar dari sumur itu, tiba-tiba didapatinya seekor anjing yang menjilat-jilat tanah kerana sangat dahaga. Laki-laki itu berkata : “Sesungguhnya anjing itu sudah mencapai tingkat maksima dahaganya seperti aku tadi,” lalu dia turun lagi ke dalam sumur, dipenuhi di dalam kasutnya dengan air, lalu memegang kasutnya itu dengan mulutnya, agar dia dapat naik kembali ke atas, lalu diberinya anjing itu. Melihat keadaan itu Allah taala amat kasih kepadanya dan mengampuni segala dosanya. Mendengar kisah tersebut orang ramai lalu bertanya kepada Rasulullah s.a.w. “Ya Rasulullah, apakah dengan menolong binatang-binatang, kami mendapat ganjaran dari Allah? Jawab Rasulullah s.a.w. “Ya, bagi setiap makhluk yang mempunyai jantung ada ganjarannya. (Hadith shahih riwayat Bukhari Muslim dan Abi Dawud dari Abu Hurairah r.a).

6. MODEL PEMBINAAN SAHSIAH

Model sahsiah yang terbina seharusnya merujuk kepada para anbiya sebagai model unggul kehidupan manusia. Para nabi dan rasul merupakan manusia yang paling baik di atas muka bumi ini. Mereka tidak pernah melakukan dosa dan kesilapan. Kehidupan mereka sentiasa dipenuhi dengan perkara-perkara yang mendatangkan pahala. Mereka adalah golongan yang paling dekat dengan Allah, orang yang paling dicintai dan disayangi oleh Allah. Orang yang dijamin oleh Allah akan dimasukkan syurga dan orang yang paling banyak meminta ampun dan taubat kepada Allah. Mereka juga golongan yang tidak putus-putus melaksanakan ibadat memohon bukan sahaja untuk dirinya tetapi untuk umat keseluruhannya. Mereka sentiasa dengan tangis dan air mata serta penuh rindu dan cintakan Allah.¹²

Sebagai contoh, Rasulullah (s.a.w) yang merupakan seorang nabi juga seorang rasul, pernah suatu ketika dilihat oleh para sahabat ketika solatnya terlalu lama sujud dengan tidak bergerak. Para sahabat menyangka nabi Muhammad s.a.w telahpun meninggal dunia. Namun, setelah mereka dekati terdengarlah suara beliau berkata-kata memohon taubat dan keampunan dari Allah. Antara doanya : “Ya Allah engkau tuhanku tidak ada tuhan lain selain engkau. Engkau ciptakan akan daku. Aku adalah hambamu dan aku berjanji akan menepati segala janjimu dan perintahmu dengan segenap kemampuanku. Aku bermohon berlindung dengan engkau dari kejahatan setiap apa yang aku lakukan. Aku kembali kepada engkau menyerahkan diriku dengan segenap pemberianmu kepadaku. Aku kembali kepada engkau mengakui akan segala dosaku. Aku memohon agar engkau sudi memberi ampun bagiku kerana tidak ada yang dapat mengampuni dosa-dosa selain engkau”. Dalam hadis lain

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda riwayat Tarmizi dari Abu Hurairah yang bermaksud: “Bertaubatlah kamu kepada Allah, sesungguhnya aku setiap hari bertaubat sebanyak 100 kali.”

Nabi Muhammad s.a.w. antara nabi dan rasul yang merupakan model dalam bina sahsiah yang terbaik yang perlu dicontohi oleh umat Islam. Selain sebagai nabi, baginda adalah contoh hamba terbaik kepada Tuhan serta pekerja contoh yang menghayati segala prinsip Islam.. Sifat-sifat yang terbaik di dalam kehidupan ini dimiliki oleh baginda. Kandungan model ini terangkum dalam al-Qur’an dan Sunnah baginda. Aisyah r.a. pernah berkata, “akhlak Rasulullah adalah al-Quran.”

Manakala Anas pula pernah berkata: “Rasulullah adalah umat yang paling baik, manusia yang paling pemurah dan yang paling berani. Tidak pernah dalam kehidupannya ia melukakan hati seseorang melainkan dibawah undang-undang Allah dan baginda juga tidak mempunyai perasaan dendam terhadap orang yang memusuhinya. Ini kerana Rasulullah sentiasa bersikap teratur dan tenang kerana itu merupakan peribadinya.”

Contoh ciri pembinaan sahsiah menurut model atau teladan baginda adalah seperti berikut:

- i. Rasulullah s.a.w. merupakan seorang yang pemaaf dan tidak pendendam.

Rasulullah saw seorang yang mempunyai sifat positif seperti pemaaf serta penyabar. Sabar bukan sahaja dapat menahan kemarahan seseorang, tetapi ianya juga dapat meletakkan kemarahan itu kena pada tempatnya. Malah, orang yang

mempunyai sifat ini dapat mengawal diri daripada desakkan menggunakan kuasanya, sehingga kuasa yang ada digunakan pada tempat betul dan tidak disalahgunakan.

Kisah yang berlaku terhadap Hindun bin Utbah, menunjukkan Rasulullah s.a.w. adalah seorang yang mempunyai sifat pemaaf yang tinggi. Ini kerana baginda telah memaafkan Hindun walaupun Hindun ternyata ketika itu seorang yang kejam yang telah membunuh Saidina Hamzah dengan merata hati dan merobek-robekkan tubuh Saidina Hamzah untuk melepaskan geramnya di dalam perang Uhud. Hindun akhirnya telah insaf dan memeluk agama Islam serta melafazkan syahadah di hadapan baginda.

Begitu juga kisah yang telah berlaku didalam satu peperangan, ketika Rasulullah s.a.w. berehat dibawah lindungan sepohon pokok, tiba-tiba muncul seorang musyrik sambil menggegam pedang kearah baginda lalu berkata: "Siapakah yang dapat menghalang aku daripada membunuh engkau wahai Muhammad?" Rasulullah menjawab : "Allah!" Lelaki itu tersentak dan pedang dipegangnya terjatuh. Lantas Rasulullah menyambar pedang itu dan menghunusnya pula kepada lelaki itu sambil bersabda : " Siapa dapat menghalang aku daripada membunuh engkau?" Lelaki itu menjawab: " Tiada sesiapa" . Rasulullah dengan penuh sabar dan tanpa rasa dendam menurunkan pedang dan memaafkan lelaki tersebut.

ii. Rasulullah saw seorang pemurah

Rasulullah saw juga terkenal sebagai seorang yang pemurah. Dalam kamus hidup Baginda tidak pernah menolak untuk menolong orang yang meminta pertolongan.

Baginda juga tidak pernah membiarkan orang yang meminta pertolongan daripadanya pulang dengan perasaan hampa tanpa mendapat apa yang dihajati selagi ianya tidak bertentangan dengan syariat Allah. Di riwayatkan sekiranya baginda tidak dapat memberikan pertolongan pada satu-satu masa, baginda akan meminta seseorang itu datang pada masa yang lain dan kadang-kadang baginda sendiri akan menyediakan dan meminjamkan untuk membantu orang-orang yang amat memerlukan pertolongan. Ini menunjukkan beliau tidak akan bersikap diam diri atau membiarkan sesuatu itu tanpa pembelaan.

Pernah suatu ketika baginda didatangi oleh seorang laki-laki meminta seekor unta daripadanya. Lalu baginda bersabda: “Setiap yang dilahirkan oleh unta betina adalah anak unta.”

iii. Rasulullah s.a.w. seorang yang penyabar

Telah diriwayatkan dalam kitab-kitab dan dalam sejarah peradaban Islam bahawa baginda Muhammad saw merupakan seorang insan yang amat penyabar. Sifat ini dapat dilihat didalam kehidupan baginda dan contoh yang paling jelas ialah apabila baginda dan pengikut-pengikutnya menyebarkan dakwah agama Allah iaitu islam. Ketika itu Rasulullah dan para sahabat sedang bersembahyang secara rahsia dilereng sebuah bukit. Perbuatan tersebut telah dilihat oleh musuh-musuh islam lalu mereka telah menghina dan mengejek-ngejek. Mereka meniru secara olok-olok setiap pergerakan sembahyang Rasulullah dan para sahabat baginda. Apabila mereka mendapati Rasulullah tidak mengindahkan segala perlakuan yang dibuat, mereka mula bertindak ganas dengan memukul dan meletakkan pedang diatas badan orang-orang islam sehingga seorang sahabat Rasulullah terluka iaitu Saad bin Abi Waqas.

Rasulullah dan para sahabat juga menerima siksaan-siksaan lain yang lebih bersifat agrasif seperti propaganda-propaganda yang bersifat jahat, maki hamun, menuduh rasulullah sebagai seorang yang gila dan tidak siuman yang menerima ilmu daripada jin-jin dan syaitan-syaitan seta menyekat orang ramai dari mendengar dakwah yang akan disampaikan oleh baginda rasulullah.

Walaupun di dalam keadaan kesusahan dan penderitaan, Rasulullah tetap berdiri teguh sehingga disyariatkan turunnya wahyu Allah yang bermaksud: "Jadilah engkau pemaaf dan suruhlah orang-orang mengerjakan yang makruf dan berpalinglah dari orang-orang yang bodoh." (Surah al-A'raf: 199)

Contoh lain yang boleh dijadikan model pembinaan sahsiah adalah menerusi peribadi berikut:

i. Luqman al-Hakim.

Baginda merupakan seorang nabi yang dikurniakan oleh Allah kecerdasan akal dan kebijaksanaan. Baginda merupakan seorang yang soleh, taat kepada perintah Allah, mempunyai ketinggian ilmu, bijak dan mempunyai kefahaman yang mendalam didalam sesuatu perkara. Baginda juga merupakan seorang yang sentiasa bersyukur terhadap Allah. Lantaran itu, baginda sentiasa menasihati putera-puteranya supaya sentiasa mensyukuri nikmat-nikmat Allah dan menjauhi segala larangan yang ditegah oleh Allah. Ini dapat dijadikan suatu rujukkan yang baik di dalam kehidupan manusia sejagat. Nasihat-nasihat baginda terhadap putera-puteranya telahpun diabadikan oleh Allah di dalam al-Qur'an yang bermaksud :

“Wahai anak-anakku, kerjakanlah solat, anjurkanlah perbuatan yang baik, cegahlah dari melakukan perbuatan yang mungkar dan bersabarlah atas segala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya semuanya itu menjadi perkara yang merupakan intisari atau lumrah kehidupan yang di kehendaki mengambil berat. Dan janganlah engkau memaling muka penuh kesombongan terhadap orang lain dan janganlah engkau berjalan di muka bumi ini dengan angkuh kerana Allah tidak senang terhadap orang yang sombong lagi angkuh. Seterusnya berlakulah sederhana dalam perjalananmu dan rendahkanlah suaramu. Sesungguhnya suara yang paling buruk adalah suara keldai” (Surah Luqman: 17 - 19)

Nasihat tersebut perlu dijadikan contoh yang baik agar umat islam benar-benar dapat menerapkan nilai-nilai yang baik didalam diri dan keluarga. Nasihat di atas juga menganjurkan akan sentiasa membuat kebajikan dan menjauhi segala larangan yang menyimpang dari ajaran agama islam terutamanya untuk membina moral dan akhlak seseorang. Membuat kebajikan merupakan suatu perkara pencengahan terhadap perkara-perkara yang bersifat mazmumah. Jika diteliti, peringatan diatas mengariskan agar sentiasa berada pada jalan yang benar, jalan yang lurus dan bukan jalan yang dimurkai Allah.

ii. Wasiat Nabi Adam

Wasiat daripada Nabi Adam as juga dapat dijadikan suatu pedoman di dalam kehidupan. Diriwayatkan bahawa baginda ada berwasiat mengenai lima perkara kepada anaknya dan menyuruh anaknya mewasiatkan perkara itu kepada cucu-cicit dan seterusnya.

- Janganlah kamu berasa tenang dan seronok dengan dunia ini kerana ketika aku berasa tenang dengan syurga Allah, Allah tidak

reda dan mengusir aku kerana keterlanjuranku.

- Jangan menurut hawa nafsu wanita. Sesungguhnya, gara-gara aku menuruti hawa nafsu wanita, aku termakan buah larangan di syurga dan kemudian aku menyesal.
- Setiap amalan dikerjakan harus difikirkan akibatnya. Seandainya aku sedar, tentu aku tidak akan menerima kesan akibat itu.
- Jika hati tidak tenang, hindari setiap perbuatan, sebab ketika aku memakan buah larangan, hatiku bergoncang tetapi aku tidak hiraukan hingga akhirnya aku menyesal.
- Berbincang dan bermusyawarah dalam semua urusan. Jika aku bermusyawarah dengan malaikat, aku tidak terkena akibat itu.

iii. Khulafa' Al-Rasyidin

Para khulafa' al-rasyidin juga merupakan model yang terbaik di dalam membina syahsiah yang sempurna. Ini kerana para khulafa' al-rayiddin adalah mereka yang rapat dengan rasulullah s.a.w dan para sahabat yang mengamalkan corak kehidupan rasulullah di dalam kehidupan. Mereka juga adalah dari kalangan yang dijamin dapat memasuki syurga Allah.

Umar al-Khattab r.a yang menggantikan Abu bakar al-siddiq sebagai khalifah, merupakan salah seorang daripada sahabat yang rapat dengan Rasulullah. Beliau telah mengamalkan cara hidup yang amat sederhana berlandaskan kepada cara hidup Rasulullah. Telah diriwayatkan bahawa beliau pernah suatu hari didatangi oleh Uthbah bin Abi Faqah. Ketika itu beliau sedang makan, maka Umar r.a telah menjemputnya masuk dan makan bersama-sama. Umar r.a. telah memberikan Uthbah roti yang merupakan hidangannya pada hari itu. Oleh kerana terlalu keras, Uthbah tidak dapat menelannya, lalu Uthbah bertanya kepada Umar: "Mengapakan tuan tidak menggunakan tepung yang baik untuk membuat roti?" Maka Umar r.a. berkata " Adakah tiap-

tiap orang Islam itu mampu menggunakan tepung yang baik untuk membuat roti?" Uthbah menjawab, "tidak." Kemudian Umar r.a berkata lagi: "Kamu nampaknya mahukan aku menikmati segala jenis kebahagiaan kehidupan di dunia ini."

Kisah ini menunjukkan bahawa para sahabat nabi tidak mementingkan diri sendiri dan sentiasa mengamalkan cara hidup yang sederhana yangmana cara ini dapat mengelakkan seseorang itu daripada terlalu mendambakan kenikmatan dunia yang boleh mendorong seseorang itu kepada sifat-sifat mazmumah seperti pecah amanah, penipuan di dalam kerja yang dilakukan dan sebagainya.

Daripada contoh sikap Rasulullah, para nabi, Khalifah al-Rasyiddin dan sahabat-sahabat Rasulullah serta wasiat daripada Nabi Adam yang dinyatakan di atas, jelaslah di sini bahawa sesiapa yang membentuk kehidupan dan peribadinya dengan acuan model-model di atas, nescaya ia akan menjadi sumber kebahagiaan kepada dirinya dan juga umat manusia yang lain. Ia juga dapat membebaskan dirinya daripada sistem kehidupan kini yang penuh dengan pelbagai masalah dan pancaroba dan akhirnya suatu sistem penghidupan yang murni dapat dicapai.

7. PEMENTINGAN PENGGUNAAN AKAL DAN AKTIVITI ILMU

Walaupun terdapat di kalangan para pekerja atau staf di IPTA, khususnya UTM dan USM yang bukan beragama Islam, namun pendekatan yang berteraskan Islam boleh dijadikan panduan dan rujukan. Ini kerana, dalam rangka pembinaan sahsiah, Islam meletakkan status akal fikiran yang disusuli dengan

ilmu pengetahuan perlu dijadikan sebagai suatu peranan yang penting. Ini kerana setiap daripada manusia terdiri daripada tiga unsur iaitu roh, anggota jasmani dan dikurniakan oleh Allah dengan akal fikiran yang sempurna. Di mana akal fikiran ini akan lebih menjadi tajam jika ianya sentiasa digunakan dan digilap dengan cara berfikir.

Akal merupakan suatu neraca yang boleh membezakan diantara perkara-perkara yang baik dan perkara-perkara yang tidak baik. Oleh kerana itu islam telah memberi tanggungjawab kepada manusia sebagai khalifah di muka bumi ini. Jika diperhatikan di dalam ayat-ayat suci al-Quran, terdapat banyak anjuran ditunjukkan supaya manusia berfikir dan menggunakan akal fikiran dengan cara yang baik. Contohnya, jika dilihat kepada ayat yang berkaitan dengan ibadah, Islam hanya mensyaratkan sesuatu pengibadatan itu dilakukan oleh umat Islam yang berakal sahaja tidak kepada semua iaitu dari golongan yang hilang akal kerana mabuk, gila atau bodoh. Menerusi akal juga, manusia berpeluang untuk meningkatkan kehidupannya samada kehidupan di dunia mahupun kehidupan di akhirat.

Antara firman Allah yang menuntut agar manusia menggunakan akal fikiran ialah: "Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, perubahan malam dan siang serta kapal yang berlayar di lautan yang membawa perkara yang memberi faedah kepada manusia dan apa yang diturunkan oleh Allah dari langit iaitu air dan dihidupkan dengannya bumi yang gersang dan menyebarkan padanya setiap kehidupan, melalui angin dan awan yang ditundukkan di antara langit dan bumi, itu semua merupakan tanda kekuasaan Allah s.w.t. bagi mereka yang berfikir." (Surah al-Baqarah: 164).

Melalui ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Islam menitikberatkan manusia supaya sentiasa berfikir dalam mengkaji sesuatu perkara. Kejadian langit dan bumi, perubahan malam dan siang, pergerakan awan dan angin, kehidupan tumbuh-tumbuhan dan sebagainya yang berkaitan dengan kejadian alam hanya dapat difahami dan menimbulkan keimanan dihati manusia jika mereka benar-benar memanfaatkan akal yang dikurniakan dengan cara berfikir. Islam juga mengajar umatnya menerima sesuatu perkara yang dibawa dengan menyelidikinya terlebih dahulu.

Allah juga sentiasa memandang tinggi kepada mereka yang sentiasa menggunakan akal fikiran lebih-lebih lagi jika akal fikiran yang digunakan disusuli pula dengan ilmu pengetahuan yang ikhlas. Ilmu pengetahuan yang ikhlas yang dimaksudkan disini ialah ilmu yang dituntut kerana niat yang baik. Ini kerana ilmu yang dituntut tanpa niat yang baik akan mengakibatkan wujudnya suatu sikap yang akhirnya akan menenggelamkan dirinya sendiri di dalam arus lautan ilmu yang dituntutnya. Orang yang alpa dengan ilmu yang dituntutnya akan semakin jauh daripada tuhan. Oleh kerana itulah islam memandang tinggi kepada mereka yang mengemari ilmu. Sebagaimana hadith yang ditegaskan oleh Rasulullah yang bermaksud: "Sesungguhnya malaikat mengembangkan sayapnya bagi orang yang mencari ilmu kerana bersenang hati melihat kerjanya,"(Riwayat Ahmad bin Hambal).

Dari perspektif yang lebih luas, Allah memandang rendah kepada mereka yang tidak menggunakan anugerah akal fikiran yang diberikan dan tidak berusaha berilmu untuk mengenal dan melakukan sesuatu perbuatan yang mahmudah. Mereka dihumbankan kepada kehidupan yang lebih hina sehingga disamakan kedudukan mereka dengan haiwan ternakan. Ini kerana mereka

hanya menggunakan dan berteraskan kepada keinginan hati atau hawa nafsu semata-mata. Sesuatu perbuatan yang hanya berlandaskan hawa nafsu dan kata hati dengan membelakangkan akal fikiran akan membawa kepada bahana yang besar. Pepatah Melayu sendiri ada mengatakan: "Ikut hati mati, ikut rasa binasa."

Oleh sebab itu, mereka yang menggunakan akal fikiran dengan baik dan pencinta ilmu akan diangkat darjatnya disisi islam samada pada kehidupan di dunia mahupun di akhirat kelak. Allah berfirman yang bermaksud: "Katakanlah wahai Muhammad, apakah sama tarafnya di antara orang yang mengetahui dan orang yang tidak mengetahui?"(Surah al-Zumar: 9).

8. KESIMPULAN

Pekerja atau staf merupakan mereka yang terlibat di dalam menyumbangkan ekonomi sesebuah negara. Berdasarkan kepada aspek-aspek yang telah diperkatakan diatas, maka wajarlah bagi sesorang staf menyelami tentang unsur atau kaedah-kaedah yang boleh membawanya kearah yang lebih sempurna.

Kualiti sesuatu kerja itu bergantung kepada amalan yang diamalkan oleh seseorang staf ketika mereka melaksanakan tugas yang diberikan. Korupsi, pecah amanah, amalan rasuah, tuang waktu kerja dan sebagainya (sebagaimana yang telah diperkatakan di atas) merupakan perkara yang lumrah jika tiada pembinaan syahsiah dikalangan mereka. Dengan demikian, segala anisiatif-anisiatif yang dikemukakan perlu diambil perhatian oleh semua pihak baik daripada golongan staf mahupun pihak majikan.

Justeru, Pembinaan sahsiah amatlah penting agar ianya membawa kesan yang baik bukan sahaja kepada negara malah kepada keluarga dan masyarakat dan ingatlah bahawa setiap amalan atau kerja-kerja yang dilaksanakan mestilah dengan niat yang baik agar segala pekerjaan yang dilaksanakan mendapat rahmat, dipermudahkan dan diredai oleh Allah.

NOTA HUJUNG

¹ Kamarul Azmi Jasmi, 2002, "Paradigma Imam al-Nawawi Dalam Pembinaan Insan: Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Salihin," Tesis Sarjana, Universiti Malaya, hlm.14.

² <http://www.undp.org/hdro/Dias2000.html>

³ Lihat detail dalam Naveer Mohideen Bin Syed Mohammad, 1992. *Wanita Dan Laki-Laki dalam Al-Quran dan Hadis*. Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas.

⁴ Lihat perbincangan lanjut dalam Kamarul Azmi, 2002 :20

⁵ Lihat Abdullah Nasih Ulwan .1994. *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*, Terjemahan oleh Syed Ahmad Semait, Singapore: Pustaka Nasional, hlm. 153

⁶ Perbincangan konsep sahsiah secara detail boleh dilihat dalam Yusof Mohamad, 1989. *Bina Insan* Kuala Lumpur: Nurin Enterprise; Abdullah Nasih Ulwan, 1990. *Pembentukan Peribadi Mukmin* Kuala Lumpur: Syeikh Publisher.

⁷ Perbincangan lanjut konsep kerja dalam Islam, lihat Abdul Jalil Borham .1999. *Sains Muamalah Islam Di Malaysia*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

⁸ Lihat Naeem Siddiqi, 1989. *Muhammad Pembina Umat* Kuala Lumpur: Pustaka Salam.; Salim Bahreisy, 1980. *Sejarah Hidup Nabi-Nabi*. Surabaya: Pt.Bina Ilmu.

⁹ Lihat perbincangan lanjut dalam Bey Arifin, 1991. *Mengenal Tuhan* Selangor: Klang Book Centre.; Mohd Sulaiman Hj Yassin, 1985. "*Islam dan Aqidah*" Selangor: Al-Omari Sdn.Bhd.

¹⁰ Detail lihat ibid; Abd. Latif Muda Dan Rosmawati Ali, 1997. *Pengantar Fiqh*" Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

¹¹ Lihat al-Qur'an, Surah Ali Imran: 37

¹² Lanjut lihat Naeem Siddiqi, 1989. *Muhammad Pembina Umat* Kuala Lumpur: Pustaka Salam.; Salim Bahreisy, 1980. *Sejarah Hidup Nabi-Nabi*. Surabaya: Pt.Bina Ilmu.; Yusof Mohamad, 1989. *Bina Insan* Kuala Lumpur: Nurin Enterprise; Abdullah Nasih Ulwan, 1990. *Pembentukan Peribadi Mukmin* Kuala Lumpur: Syeikh Publisher.

BAB III

PROGRAM BINA SAHSIAH DI UTM

1. PENDAHULUAN

Bab ini menjelaskan program bina sahsiah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Bahru, Johor. Program bina sahsiah di UTM bertumpu sekitar peranan yang dimainkan oleh Masjid Sultan Ismail (MSI) dengan kerjasama unit lain atau fakulti. MSI dibina di tengah-tengah kampus dan berdekatan dengan pusat aktiviti. Konsep tersebut memenuhi kedudukan masjid sebagai pusat ibadat, pendidikan, penyelidikan, perancangan dan pertemuan.

Peranan MSI UTM berkembang sejajar dengan perubahan namanya kepada Pusat Perkhidmatan Kemasyarakatan yang kemudiannya bergabung dengan Jabatan Pengajian Islam menjadi Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, sebelum kini diletakkan di bawah naungan pentadbiran Canseleri sebagai satu unit tersendiri. Sebagai institusi sosial, MSI atau Masjid UTM memainkan peranan kemasyarakatan terutamanya dalam aspek pembangunan kerohanian.

Dalam konteks kini, Masjid UTM berperanan sebagai: **i. Pusat Perkembangan Islam** melalui Seminar, Program Mingguan, Program Bulanan dan Kursus - kursus Pendek / Berkala; **ii. Pusat Rujukan** melalui Medan rujukan hal ehwal Islam, Menghurai dan menjelaskan isu-isu semasa, Menyediakan khutbah Jumaat, On-line penasihat agama (rundingcara agama); **iii. Pemangkin Perpaduan** melalui Program Mengikat Fakulti / Kolej/Persatuan, Program Bulanan dan Berkala, Rakan Masjid, Penganjur

Majlis Iftar, Hari Raya dan Hari-hari Kebesaran Islam; **iv. Pusat Khidmat** melalui Zakat, Sumbangan /Derma, Penyewaan Peralatan, Luqatah (Lost and Found), Dana Mal, Haji dan Umrah, Saudara Kita, Khatan, Baitul Muslim, Perkahwinan, Kematian, Korban dan Aqiqah, Khidmat Nasihat, Penceramah, Majlis tahlil, doa dan tazkirah, Tadika dan Hadanah; dan **v. Penerbitan** seperti Mimbar Jumaat, Risalah Fardhu Ain dan Dokumentasi.

Sebuah jawatankuasa bagi mengendalikan program kerohanian telah dibentuk berindukkan di MSI dinamakan sebagai Jawatankuasa Penerapan Nilai-nilai Islam (JAPNI). Fungsi dan peranan MSI ini seolah-olah pelengkap kepada kerja fakulti dan keseluruhan unit UTM untuk melahirkan graduan yang bersesuaian dengan motto 'Kerana Tuhan untuk Manusia'. Lantaran itu, setiap unit dan fakulti di UTM memastikan setiap staf bekerja ke arah mencapai aspirasi motto tersebut. Bagi memastikan komitmen staf sentiasa tinggi, setiap unit mempunyai Jawatankuasa Penerapan Nilai-nilai Islam (JAPNI) sendiri untuk bekerjasama dengan Masjid bagi mengadakan program kerohanian atau bina sahsiah staf di unit masing-masing.

Bermula tahun 1996, JAPNI telah mengarahkan semua fakulti / jabatan / unit supaya melaksanakan sebuah program berbentuk pengajaran dan pembelajaran al-Quran setiap minggu bertempat fakulti atau unit masing-masing. Hari untuk melaksanakannya digalakkan pada hari Jumaat bermula jam 8.00 hingga 9.00 pagi. Bagaimanapun setiap fakulti / jabatan / unit bebas untuk memilih hari dan waktu lain yang difikirkan sesuai. Oleh yang demikian, terdapat fakulti / jabatan / unit yang mengadakan program ini pada hari Khamis dan Sabtu, tetapi pada waktu yang sama iaitu 8.00 hingga 9.00 pagi.

Pembimbing atau tenaga pengajar untuk program ini disediakan oleh pihak fakulti / jabatan / unit sendiri. Walau bagaimanapun sebagai moderator,

MSI bersedia menyediakannya samada dari kalangan pensyarah di PPIPS atau tenaga pengajar luar sekiranya ada permintaan dan bayaran adalah di bawah tanggungan fakulti / jabatan / unit sendiri.

Setiap fakulti / jabatan / unit diminta menyediakan laporan tahunan perjalanan program ini kepada pihak pentadbiran MSI. Ini adalah bertujuan untuk mengetahui perjalanan program, masalah yang timbul dan menganalisis keperluan-keperluan yang berkaitan. Ringkasnya, MSI sentiasa memantau perkembangan program ini dan sedia membantu sekiranya diperlukan.

2. PROGRAM BINA SAHSIAH

Setakat yang berjaya dikenal pasti oleh pengkaji, Universiti Teknologi Malaysia menerusi Masjid dan unit lain melaksanakan program Bina Sahsiah melibatkan staf dan warga UTM secara umum dalam pelbagai bentuk. Antaranya ialah:

i. Program sebagai Pusat Perkembangan Islam

Iaitu melalui Seminar, Program Mingguan, Program Bulanan dan Kursus - kursus Pendek / Berkala . Misalnya Program Tafaqquh Bermodul yang berjalan secara berterusan setiap Sabtu di Masjid UTM bermula jam 9.00 pagi. Begitu juga dengan program Hari Kebesaran Islam seperti sambutan Maulidur Rasul saw.

ii. Program Bina Sahsiah Umum

Iaitu Program yang pernah dianjurkan oleh Masjid (dengan nama Pusat Perkhidmatan Kemasyarakatan) dengan mewajibkan semua staf UTM menghadirinya yang diisi dengan ceramah motivasi dari pakar di

Dewan Sultan Iskandar, UTM setiap Sabtu jam 11.00 pagi. Program ini kemudiannya berhenti seketika hingga kini.

iii. Program Pemangkin Perpaduan

Iaitu seperti Program Mengikat Fakulti / Kolej/Persatuan, Program Bulanan dan Berkala, Rakan Masjid, Penganjur Majlis Iftar, Hari Raya dan Hari-hari Kebesaran Islam. Umpamanya Ceramah Maal Hijrah yang diadakan di Masjid UTM.

iv. Program 'tazkirah / kerohanian'.

Iaitu slot yang disisipkan dalam program-program latihan menurut kalender latihan UTM. Program ini merupakan program latihan anjuran Bahagian Latihan dan Pembangunan (HRD), UTM. Misalnya Kursus Induksi staf baru. Dalam program ini diisi dengan slot kerohanian dengan nama 'Muhasabah' selama 30 minit setiap hari sepanjang kursus.

v. Program Budaya al-Qur'an.

Program ini merupakan program kerohanian yang dianjurkan oleh setiap unit UTM menerusi JAPNI dengan kerjasama MSI (dulunya PPIPS) sebagai pemantau atau jawatankuasa induk kepada JAPNI fakulti atau unit. Program yang ke lima ini akan dijelaskan secara lebih mendalam kerana berkaitan secara langsung dengan staf dan dianjurkan oleh semua unit UTM secara berterusan sebagai program bina sahsiah staf.

3. BENTUK, TAHAP, KANDUNGAN SERTA MASALAH

Pengkaji hanya menerangkan secara khusus mengenai Program Budaya al-Qur'an sahaja. Program ini bersifat program mingguan yang dianjurkan oleh hampir semua fakulti serta unit UTM melalui JAPNI masing-masing. Umumnya program ini bermula pada sebelah pagi mulai jam 8.30 pagi. Harinya mengikut kesesuaian sesebuah unit atau fakulti. Misalnya, PPIPS mengadakannya setiap Isnin, Masjid UTM pula pada setiap Jumaat. Ia diadakan di fakulti atau unit masing-masing dengan pesertanya adalah terdiri dari staf unit tersebut. Pengisian program umumnya adalah pengajian al-Qur'an serta tafsirannya. Bagaimanapun, surah atau ayat yang dibincangkan adalah berbeza menurut fakulti. Penceramah adalah terdiri dari para ustaz atau pensyarah PPIPS UTM atau pesyarah luar UTM.


Perlaksanaan program Budaya al-Qur'an ini boleh dilihat secara lebih detail berdasarkan kepada pendekatan yang diambil oleh fakulti atau unit berikut sebagai sampel iaitu:

1. Pejabat Bendahari
2. Fakulti Sains
3. Perpustakaan Sultanah Zanariah
4. Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

3.1. PEJABAT BENDAHARI¹

Program budaya al-Qur'an telah dikendalikan oleh persatuan Kelab Sosial Pejabat Bendahari (KSPB) UTM, Skudai yang mewakili JAPNI. Ianya dijalankan oleh Biro Kerohanian kelab KSPB. Kelab ini bernaung di bawah Jabatan Bendahari UTM Skudai. Program Budaya al-Qur'an telah berlangsung selama enam tahun lamanya. Berikut adalah carta organisasi kelab KSPB.

Jadual 1 : Carta Organisasi Kelab KSPB (Kelab Sosial Pejabat Bendahari)



3.1.1. Bentuk Program

Bentuk pelaksanaan program budaya al-Qur'an yang diadakan adalah seperti berikut:

- i. Hari : Rabu
- ii. Masa : 8.00 hingga 9.00 Pagi.
- iii. Kekekapan : Setiap minggu.
- iv. Tempat : Ruang pejabat unit Pelajar, Pejabat Bendahari, Aras bawah, UTM, Skudai.
- v. Tindakan : En. Hssan Bin Abdul Aziz dan En. Jamaludin Bin Harun selaku Biro kerohanian Kelab KSPB Jabatan Bendahari UTM, Skudai.
- vi. Pendekatan : Pihak pengurusan program telah menggunakan tiga pendekatan yang utama iaitu :
 - a. Ikut bacaan ayat suci al-Qur'an secara beramai-ramai.
 - b. Ikut bacaan tafsir secara beramai-ramai.
 - c. Huraian tafsir.
 - d. Sesi soal jawab.
- vii. Teknik : Bepusat dan kuliah.
- viii. Objektif :
 - a. Mencari keredhaan Allah S.W.T.
 - b. Salah satu usaha dakwah untuk memberikan peringatan walaupun sibuk dengan urusan duniawi.
 - c. Salah satu usaha untuk mengeratkan tali silaturahim di kalangan ahli kakitangan atasan

mahupun bawahan di samping sentiasa menimba ilmu pengetahuan.

- d. Salah satu medan untuk memberikan info semasa yang sedang berlaku melalui pengumuman penting atau peringatan tertentu.
- e. Sebagai wadah untuk mendapatkan ilmu pengetahuan khususnya mengenai apa yang terkandung di dalam al-Qur'an.

Perlaksanaan program adalah jawapan bagi persoalan mengenai bagaimana program Budaya al-Qur'an dilaksanakan. Ianya merupakan penjelasan kepada bentuk perlaksanaan program. Melalui hasil temubual pengkaji bersama Biro Kerohanian Kelab KSPB iaitu En. Hassan Bin Abdul Aziz dan dibantu oleh En Jamaludin Bin Hasan perlaksanaan program budaya al-Qur'an berjalan seperti perancangan apa yang dirancangan dan apa yang diputuskan melalui perbincangan mensyuarat.

Perlaksanaan program adalah seperti berikut:

- a) Nama Program : Program budaya al-Qur'an.
- b) Perlaksanaan : Program ini berlangsung kepada tiga agenda iaitu:
 - i. 30 minit pertama bacaan al Quraan dan diringi dengan bacaan tafsir sekali.

Pada waktu ini, program berjalan bermula dengan bacaan ayat suci al-Qur'an dengan mengikut bacaan En. Hassan Bin Abd. Aziz. Proses bacaan melalui ayat demi ayat. Setelah selesai satu ayat dibaca, bacaan tafsir ayat akan dibaca oleh En Jamaludin Bin Harun dan ahli yang hadir hanya mendengar bacaan tafsir yang sedang dibaca.

ii. 25 minit berikutnya majlis diteruskan dengan huraian tafsir bagi ayat

Tepat pada pukul 8.30 pagi, agenda seterusnya adalah huraian tafsir ayat yang dibaca pada 30 minit yang pertama. Aktiviti ini dikendalikan oleh ustaz jemputan luar. Pada masa kini ustaz yang terlibat ialah ustaz Arshad Sani yang merupakan penceramah bebas.

iii. 5 Minit berikutnya majlis diteruskan dengan sesi soal jawab.

Sesi seterusnya akan berterusan dengan soal jawab dari kalangan ahli madhu'. Sekiranya para hadirin mempunyai beberapa masalah berkaitan dengan huraian tafsir atau mengenai hukum fiqh maka para hadirin akan menggunakan peluang ini untuk bertanya. Masa pengendalian hendaklah tamat mengikut masa yang telah ditetapkan. Ianya disebabkan oleh faktor masa yang terhad kerana takut mengganggu urusan pejabat Bendahari sendiri yang sentiasa berhubungan dengan pihak luar. Sekiranya tidak ada pertanyaan Ustaz akan terus meneruskan kuliah yang disampaikan.

3.1.2. Kandungan Program

Kandungan program adalah berdasarkan kepada huraian tafsir ayat al-Quraan yang disampaikan oleh Ustaz Arshad Sani. Ianya tiada penentuan kepada isi kandungan khusus yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan. Penghuraian dikaitkan dengan isu semasa. Melalui hasil kajian soal selidik majoriti mengatakan kandungan program mengikut objektif yang telah ditetapkan, ini disebabkan oleh sepuluh mengatakan setuju dan empat mengatakan sangat bersetuju, manakala empat mengatakan kandungan program tidak mengikut objektif yang telah ditetapkan dan responden mengatakan bahawa peserta tidak pasti mengenai kandungan program yang dijalankan.

Di sini, menunjukkan bahawa kandungan program yang disampaikan oleh penceramah dapat difahami oleh ahli majlis.

Menerusi temubual yang dibuat, sambutan adalah dari kalangan kakitangan yang berada di Jabatan Bendahari. Setakat ini kehadiran staff samada pegawai atasan mahupun kakitangan bawahan masih memerlukan kesedaran kakitangan Jabatan Bendahari itu sendiri kerana jumlah yang hadir selalunya berbeza dengan bilangan jumlah pekerja di jabatan tersebut. Nisbah yang ketara jika dibandingkan jumlah kakitangan Pejabat Bendahari UTM, Skudai sendiri. Pengkaji dimaklumkan bahawa jumlah kakitangan Jabatan Bendahari UTM, Skudai adalah seramai 110 kakitangan. Namun kehadiran setiap kali program diadakan adalah sekitar 30 hingga 40 orang berbanding jumlah kakitangan di Jabatan tersebut. Keadaan ini amat menyedihkan terutamanya dari kalangan pihak pengurusan, namun usaha pembaikan dilakukan berterusan dan tidak mematahkan semangat penganjur untuk terus berjuang dalam menerapkan nilai-nilai Islam di kalangan kakitangan di Jabatan bendahari UTM, Skudai sebagai satu usaha dakwah yang berterusan.

3.1.3. Permasalahan

Menerusi pemerhatian, sesi temubual pengkaji, dapatlah pengkaji membuat beberapa pecahan masalah yang wujud. Di mana segala masalah yang wujud masih boleh diperbaiki dari masa ke semasa. Di antara masalah yang wujud sepanjang program budaya al-Qur'an berjalan antaranya ialah:

- i. Sambutan yang kurang menggalakkan

Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam tajuk pecahan 3.4 bahawa jumlah kehadiran berkurang daripada jumlah kakitangan pejabat Bendahari UTM, Skudai. Keadaan ini amat mendukacitakan. Melalui pemerhatian yang dihadiri oleh pengkaji sendiri ke atas program yang terdekat iaitu pada hari

rabu yang lalu jumlah kehadiran yang menghadiri program sekitar 30 hingga 40 hadirin. Keadaan ini berbeza jika hendak dibandingkan untuk jumlah kakitangan yang berada di Jabatan Bendahari UTM, Skudai itu sendiri.

ii. Kehadiran perempuan lebih ramai berbanding dari lelaki

Keadaan ini amat jelas apabila jumlah kehadiran perempuan adalah lebih ramai berbanding dari lelaki. Melalui edaran borang soal selidik 90 peratus mengatakan bahawa kekurangan penyertaan dari kakitangan lelaki.

iii. Kurang kesedaran mengenai rasa tanggungjawab mengenai program dijalankan

Pengkaji berpendapat bahawa kurangnya kesedaran dari pihak kakitangan untuk memberikan sambutan pada setiap kali program di adakan. Kebanyakan daripada mereka merasakan bukan satu kewajipan untuk mengahadirkan diri ke program budaya al-Qur'an. Walaubagaimanapun segala kelemahan yang wujud boleh diperbaiki dari masa ke semasa.

iv. Tempat yang terhad.

Melalui temubual dan edaran borang soal selidik serta pemerhatian, pengkaji mendapati 80 peratus mengatakan bahawa tempat berlangsungnya program tidak dapat menampung jumlah kakitangan yang ada di Jabatan Bendahari UTM, Skudai seramai 110 orang. Keadaan ini menyebabkan kakitangan kurang berminat untuk menyertai program dan mengambil jalan mudah untuk tidak menghadiri program tersebut.

v. Penyampaian kandungan.

Melalui pemerhatian dan maklum balas dari edaran borang soal selidik pengkaji. Penyampaian kandungan terlalu meluas dan tidak ada pengkhususan pada satu bahagian. Keadaan ini peserta sukar untuk

mengaitkan kuliah dengan kehidupan. Apa yang diperolehi adalah secara umum kerana lebih menumpukan perkaitan dengan isu semasa. Walaubagaimanapun keadaan ini boleh diperbaiki dari masa kesemasa.

3.1.4. Cadangan

Hasil dari data yang diperolehi melalui temubual, edaran borang soal selidik dan pemerhatian, penulis membuat beberapa penganalisan mengenai perjalanan program serta mengenalpasti masalah yang dihadapi. Hasil daripada penelitian pengkaji, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diatasi bagi tujuan pembaikan agar kelemahan yang dihadapi dapat diperbaiki dari masa kesemasa. Melalui temubual bersama En. Hassan Bin Abd. Aziz selaku Biro kerohanian dan dibantu En Jamaludin Bin Harun terdapat beberapa cadangan yang telah dimaklumkan kepada pengkaji untuk tujuan pembaikan. Walaubagaimanapun proses pembaikan berdasarkan kepada kesesuaian kondisi tempat, masa dan keperluan semasa. Berikut adalah aspek yang memerlukan pengkajian semula serta diambil perhatian oleh pihak-pihak yang tertentu iaitu:

- i. Bentuk perlaksanaan.

Hasil dapatan kajian melalui edaran borang soal selidik, pengkaji berpendapat bahawa bentuk perlaksanaan program perlu kepada pembaharuan sama ada pada setiap tahun mengikut keperluan semasa. Ini disebabkan oleh terdapat 15 daripada 20 responden memberikan cadangan agar waktu program ditukarkan kepada waktu lain selain pada waktu pagi. Ini disebabkan oleh kakitangan pada waktu pagi sibuk untuk melaksanakan tugas seharian. Keadaan ini mengganggu konstrasi apabila mereka berada bersama-sama menyertai program.

Masalah tempat yang dijadikan alasan oleh pihak tertentu menjadikan mereka tidak menghadirkan diri ke program tersebut. Alasan yang diberikan adalah tempat yang sempit dan tidak dapat menampung jumlah kakitangan Jabatan Bendahari yang hadir. Pengkaji berpendapat adalah lebih baik program tersebut diadakan dengan inisiatif memilih tempat yang lebih luas serta cukup menampung jumlah kehadiran ke majlis program tersebut.

ii. Pelaksanaan program

Pengurusan program yang telah sedia ada kaedah yang digunakan semasa 30 minit pertama adalah bacaan ayat dan diiringi bacaan tafsir ayat. Di mana program berlangsung seorang baca kemudian ramai-ramai mengikut bacaan ketua. Di sini saya berpendapat agar kaedah itu ditukar kepada bacaan secara bergilir sama ada bacaan ayat al-Qur'an mahupun tafsir ayat. Responden ada memberikan maklum balas sekiranya bacaan dibuat secara bergilir-gilir dapat melibatkan diri secara langsung program Budaya al-Qur'an. Manakala secara tidak langsung akan menarik kehadiran kakitangan lelaki untuk menghadiri program Budaya al-Qur'an yang diadakan.

Seterusnya, terdapat maklum balas responden agar tenaga penceramah perlu dipelbagaikan. Keadaan ini akan menimbulkan rasa bosan apabila setiap tahun pihak pengurusan program mendapatkan perkhidmatan dari individu sama. Di sini pengkaji berpendapat agar pihak pengurusan menyediakan inisiatif lain untuk menarik minat kakitangan pejabat untuk menghadiri program tersebut.

iii. Penyampaian kandungan

Melalui edaran borang soal selidik beberapa cadangan di utarakan oleh responden iaitu seramai 15 responden mengutarakan agar memberikan slot khusus setiap minggu program Budaya al-Qur'an yang dijalankan. Contohnya

pihak pengurusan menetapkan perkara tajwid, tauhid, akhlak, ibadat dan sebagainya. Di mana keseluruhan aspek penghuraian si dapat dikaitkan dengan masalah yang dihadapi atau mencari jawapan bagi sesuatu masalah yang timbul.

Pihak yang menggerakkan program haruslah membuat perkaitan huraian ayat yang disampaikan lebih jelas. Contohnya huraian ayat dikaitkan dengan berkaitan kehidupan kakitangan di pejabat. Selain itu, menggunakan pendekatan dan teknik yang pelbagai dengan bantuan alat teknologi selaras dengan Falsafah Universiti Teknologi Malaysia. Contohnya pendakwah menggunakan kaedah simulasi dengan membawa pemikiran madhu' dalam situasi sebenar dengan bantuan alat teknologi seperti video, audio dan beberapa elemen multimedia yang lain.

iv. Sambutan

Masalah yang timbul berkenaan dengan sambutan program kurang mengalakkan dari kalangan staf dapat diatasi dengan terkini yang bersesuaian dengan pengurusan dakwah agar segala masalah dapat diperbaiki dari masa ke semasa. Pihak pengurusan boleh mempergiatkan promosi dengan memberikan peringatan kepada rakan-rakan sebelah untuk menyedari rasa tanggungjawab ke atas kepentingan penerapan nilai-nilai Islam dalam diri individu kakitangan itu sendiri. Selain itu, semua staf harus membetulkan niat serta tujuan mereka menghadiri program Budaya al-Qur'an serta membersihkan hati dengan niat segala yang dilakukan adalah kerana Allah S.W.T.

3.2. FAKULTI SAINS²

Terdapat beberapa usaha murni yang telah berjaya dilakukan oleh JAPNI dalam menguruskan program bina sahsiah kepada staf-staf dan juga pelajar-pelajar. Dua contoh penerapan program tersebut yang telah dilaksanakan oleh JAPNI di Fakulti Sains ialah berkenaan program Budaya al-Quran dan Kursus Pembangunan Insan. Kajian ini akan menerangkan program Budaya al-Qur'an sahaja.

Program Budaya al-Quran ini telah diuruskan oleh JAPNI Fakulti Sains yang dipengerusikan oleh Profesor Madya Dr. Karim Deraman.

3.2.1. Bentuk Program

Pada asalnya, program ini telah diadakan pada hari Sabtu, tetapi timbul permasalahan apabila terdapat waktu cuti pada hari Sabtu pertama dan ketiga. Lalu program ini ditukarkan pada hari Rabu. Sekali lagi timbul permasalahan apabila pada hari Rabu kegiatan ko-kurikulum dijalankan dan mengakibatkan program budaya al-Quran ini telah ditukarkan pula ke hari Jumaat. Akhirnya, program ini kekal pada hari Jumaat hingga ke masa ini. Program ini dijalankan pada pukul 8.00 sehingga 9.00 pagi. Tempat pelaksanaan program budaya al-Quran ini ialah di Blok C 17, Fakulti Sains.

Dalam program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Fakulti Sains ini berbentuk talaqi. Bentuk talaqi ini bermaksud seorang ketua yang dilantik akan mengetuai dan memulakan bacaan ayat-ayat al-Quran, kemudiannya akan diikuti oleh para jamaah yang lain. selepas selesai membaca al-Quran, maka penafsiran daripada ayat-ayat al-Quran itu dihuraikan dan diperjelaskan terhadap maksud-maksud penting yang terkandung daripada ayat-ayat yang telah dibaca.

3.2.2. Kandungan

Kandungan program yang dilaksanakan adalah berdasarkan isi kandungan al-Quran itu sendiri. Ia dimulakan dari awal surah yang terkandung dalam al-Quran iaitu surah al-fatihah. Sehingga kini surah yang dibaca ialah surah al-Kahfi dan akan memasuki surah Maryam.

Perlaksanaan atau perbincangan daripada bacaan ayat-ayat al-Quran tersebut telah diketuai oleh pensyarah-pensyarah daripada Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS). Antara pensyarah-pensyarah PPIPS yang pernah menaburkan khidmat bakti dalam Program Budaya Al-Quran di Fakulti Sains ini ialah Ustaz Mohd. Shah Lamat, Ustaz Nur Azmalail dan juga Ustaz Ajmain Safar. Pensyarah-pensyarah PPIPS ini telah mengadakan kuliah ringkas atau huraian daripada ayat-ayat yang telah dibaca. Pengerusi JAPNI iaitu Profesor Madya Dr. Karim Deraman sendiri juga pernah mengetuai dan memberi huraian serta kuliah berkenaan ayat-ayat al-Quran yang dibaca.

3.2.3. Permasalahan

Terdapat beberapa permasalahan yang wujud dalam melicinkan pelaksanaan Program Budaya Al-Quran di Fakulti Sains ini. Antaranya ialah dari aspek kehadiran. Permasalahan kehadiran ini wujud apabila kedatangan ahli-ahli tersebut tidak konsisten. Tidak konsisten ini bermaksud, kadang-kala ramai yang menghadiri dan kadang kala pula hanya sedikit sahaja yang menghadirinya. Namun menurut Profesor Madya Dr. Karim Deraman, sejak akhir-akhir ini, penglibatan para pensyarah, pelajar dan staf akademik semakin menunjukkan peningkatan. Akan tetapi yang menjadi permasalahan ialah kehadiran yang tidak konsisten seperti kadang kala sahaja yang menghadirkan diri.

Masalah lain ialah sikap individu itu sendiri yang memandang ringan terhadap Program Budaya al-Quran ini. Segelintir individu ini beranggapan bahawa bacaan al-Quran ini tidak penting dan hanya mementingkan hal-hal keduniaan sahaja. Yang amat mendukacitakan tiada kesedaran diri yang mendalam pada diri seseorang individu dalam mempelajari dan menghayati perkara-perkara yang terkandung dalam al-Quran.

3.2.4 Usaha Pembaikan

Terdapat beberapa reaksi di dalam sambutan Program Budaya al-Quran ini di Fakulti Sains. Pada awal perlaksanaannya ia tidak begitu memberangsangkan. Ini kemungkinan adalah faktor seperti tiada pemberitahuan atau pengumuman terhadap wujudnya Program Budaya al-Quran ini. Maka, pada awal perlaksanaannya adalah sedikit dari segi kehadiran.

Penglibatan daripada staf akademik seperti pensyarah amat sedikit. Ini kemungkinan berdasarkan beberapa faktor penghalang seperti jadual mengajar yang ketat atau menghadiri beberapa kursus atau bengkel. Dari penglibatan pelajar pula amat sedikit kehadiran. Ini juga kemungkinan daripada jadual waktu belajar yang padat atau sikap daripada pelajar itu sendiri yang tidak mahu mengambil kesempatan terhadap kepentingan Program Budaya al-Quran ini.

Akan tetapi, penglibatan staf-staf sokongan seperti kerani pejabat, pembantu makmal dan sebagainya amatlah menggalakkan. Sokongan dan jati diri staf-staf sokongan ini memberi tindak balas yang positif dalam pelaksanaan Program Budaya al-Quran ini. Tidak dapat dinafikan bahawa kehadiran staf-staf sokongan ini telah memberi semangat dan sambutan yang menggalakkan dalam meneruskan perjuangan Program Budaya al-Quran ini.

3.3. PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH³

3.3.1. Bentuk

Program Budaya al-Quran di Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ) adalah program mingguan yang diadakan pada hari Jumaat setiap minggu bekerja. Umumnya, program ini adalah berbentuk latihan kemahiran membaca al-Quran dengan tarannum, tajwid dan terjemahannya. Bermula seawal jam 8.15 sehingga 9.00 pagi, selama hampir satu jam itu, staf-staf selaku peserta akan dibimbing oleh kakitangan PSZ sendiri, Encik Kamarulzaman bin Nik, secara sukarela. Program ini biasanya diadakan di Bilik Mesyuarat PSZ.

Agenda Program adalah seperti berikut:

8.15 – 8.35 pagi : - Bacaan contoh pembimbing dan diikuti oleh peserta.

- Terjemahan ayat.

8.35 – 8.45 pagi : - Tajwid

8.45 – 9.00 pagi : - Perbincangan : Ayat dengan isu semasa.

9.00 pagi : - Penutup dan bersurai

Manakala ceramah pula adalah program bulanan yang diadakan sekali pada hari Jumaat minggu ketiga setiap bulan. Ia disampaikan oleh Tuan Haji Hussin bin Junoh, bekas pensyarah di Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Islam (PPIPS) UTM (telah berkhidmat di KUiTTHO). Antara pengisian aktiviti ini adalah tazkirah selain amalan dan doa tertentu yang biasanya jarang didapati pada mana-mana buku di pasaran. Peserta dibenarkan bersoal jawab dengan penceramah sekiranya terdapat sebarang kemusykilan atau masalah. Sepanjang dua tahun aktiviti ceramah ini diadakan, penerimaannya amat menggalakkan. Pada masa dan tempat yang sama dengan Program Budaya al-Quran dilaksanakan, sambutan staf untuk

program ini dikatakan lebih baik daripada Program Budaya al-Quran.

3.3.2. Kandungan program

Program ini memberi pendedahan terhadap kemahiran membaca al-Quran seterusnya mengaplikasikan isi kandungannya dalam kehidupan seharian, sesuai dengan nama program iaitu Program Budaya Al-Quran. Penekanan diberi terhadap aspek tajwid, makhraj huruf dan tafsiran ayat. Malah cara bacaan yang baik dan berlagu juga diajarkan melalui ilmu tarannum.

Hal ini tidaklah menjadi suatu masalah bagi Encik Kamaruzzaman bin Nik, seorang staf dari Unit Pengindeksan, Jabatan Pembangunan Sumber kerana beliau sendiri telah terlatih di bidang ini. Malah beliau sendiri telah beberapa kali menjadi wakil daerah ke pertandingan Musabaqah Al-Quran Peringkat Negeri Johor.

Dalam program ini juga peserta berpeluang berbincang tentang masalah yang dihadapi oleh mereka dalam mencapai tujuan membaca ayat-ayat Allah SWT dengan baik, secara tidak langsung. Tafsiran yang diberi oleh pembimbing tentang ayat pula dapat menambah ilmu pengetahuan peserta tentang kandungan dan tuntutan al-Quran sebagai sumber perundangan muslim, menimbulkan keinsafan dan menyedarkan betapa indah susunan bahasanya. Malah ia dengan mudah dapat diaplikasi dalam kehidupan harian apabila dikaitkan dengan isu semasa yang berlaku. Ringkasnya, program ini mampu mengingatkan akan perkara yang terlupa dan mengajarkan perkara yang jahil di kalangan pesertanya.

3.3.3. Masalah yang dihadapi

Sudah menjadi lumrah sesuatu aktiviti keagamaan pasti mempunyai kekangan tertentu samada masalah luaran mahupun masalah dalaman. Di antara masalah yang dihadapi oleh Unit Kewangan dan Penyelenggaraan Bangunan sebagai organisasi yang menguruskan perihal dakwah di PSZ ialah:

i. Sikap staff terhadap aktiviti dakwah

Kebanyakan staff tidak menganggap aktiviti seperti ini sebagai suatu aktiviti yang penting untuk dihadiri. Malah yang lebih mengecewakan terdapat segelintir staff yang mengambil masa ini untuk berlama-lama ketika minum pagi.

Terdapat juga sebilangan staff yang lemah bacaan al-Qurannya menggunakan alasan ini untuk menjauhkan diri dari program ini. Hal ini kerana mereka berasa malu dengan kelemahan itu apabila diminta membacanya oleh pembimbing. Kedapatan juga staf yang tidak menunjukkan komitmen dalam program ini kerana kehadiran yang tidak konsisten, iaitu hanya menghadirinya jika dirasakan benar-benar mempunyai masa senggang.

ii. Kurang kefahaman tentang tujuan program

Agak mengecewakan sekali kerana terdapat sebilangan staf yang tidak menyambut baik aktiviti ini kerana kurang faham tujuan sebenar program. Rentetan itu terdapat sebilangan staf yang menyatakan bahawa mereka tidak perlu menyertai program ini kerana bukan mahu menjadi seorang qari atau qariah di mana-mana pertandingan musabaqah al-Quran. Jauh daripada itu, mereka tidak memahami betapa perlunya bagi seorang muslim untuk mendalami dan memahami sumber perundangan Islam itu sendiri.

iii. Tiada penilaian khusus

Disebabkan tiada sebarang penilaian ke atas staf samada mereka menghadiri atau tidak program ini, turut menjadi faktor penyumbang kepada masalah sambutan yang kurang memberangsangkan. Tambahan pula program ini bukanlah suatu program yang wajib untuk dihadiri.

iv. Staf lebih berminat dengan kaedah mendengar

Didapati staf kurang senang jika mereka diminta membaca al-Quran yang diajarkan kerana mereka lebih berminat dengan kaedah mendengar secara sehala sahaja. Seperti dinyatakan sebelum ini selain Program Budaya al-Quran, aktiviti dakwah lain yang diadakan di PSZ adalah Program Ceramah Bulanan. Sambutan staf untuk program ini jauh lebih baik jika dibandingkan dengan Program Budaya al-Quran kerana memerlukan peserta mendengar sahaja.

3.4. FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL⁴

Program Bina Sahsiah di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), UTM diadakan di kalangan staf. Berdasarkan temuramah dengan Encik Jamain Hj. Abd. Rahim selaku Pembantu Tadbir Kanan, yang mana beliau juga merupakan salah seorang yang terlibat sepenuhnya dalam program dakwah yang dijalankan di fakulti tersebut.

3.4.1. Bentuk Program

Program Bina Sahsiah yang ada di FKM ini adalah dibawah kelolaan Badan Kebajikan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UTM. Di dalam organisasi dakwah ini terdapat seramai 13 orang yang terdiri daripada staff FKM sendiri. Tiada halangan untuk penglibatan bagi pelajar yang mempunyai kelapangan untuk

mengikuti program ini, contohnya ada sesetengah pelajar master yang telahpun mengikuti program tersebut.

Program-program biasa dijalankan di bilik mesyuarat fakulti (C24.01) dan di dewan seminar C23 aras 1 di fakulti tersebut. Kedua-dua tempat ini dipilih berdasarkan keperluan ahli-ahli program tersebut seperti factor keselesaan bilik berhawa dingin, keluasan bilik yang memenuhi ruang yang cukup untuk kesemua ahli dan kemudahan alat persembahan program tersebut.

Program-program dakwah yang dijalankan ini dikendalikan oleh Tn. Hj. Muhamad Sairaji Suhaidi (Imam Masjid Taman Universiti). Segala urusan yang berkaitan dengan dakwah terletak di bawah biro kerohanian yang dikendalikan oleh Tn. Hj. Muhamad Sairaji Suhaidi. Segala perbelanjaan berkenaan program yang dikendalikan di bawah Badan Kebajikan FKM ini ditanggung oleh FKM sendiri.

Setelah beberapa kali program dijalankan, satu penilaian dibuat dan akhirnya mendapat satu keputusan yang baik dimana program ini adalah perlu untuk membentuk kesempurnaan dalam segala lapangan hidup sama ada pekerjaan dan sebagainya. Maka program ini amat perlu untuk dibuat secara berterusan.

Menurut maklumat yang didapati hasil dari tinjauan yang dibuat, sebarang bentuk program yang berkaitan dengan dakwah dan kerohanian pada mulanya ditetapkan pada hari sabtu. Akan tetapi selepas dipertimbangkan dari segi faktor kelapangan masa bagi peserta dan hari yang sesuai maka diubah jadual tersebut dan dibuat pada hari jumaat pada pukul 8 pagi hingga 9.15 pagi. Sehingga sekarang program tersebut dijalankan pada hari jumaat.

3.4.2. Kandungan Program

Antara bentuk-bentuk serta kandungan Program Budaya al-Qur'an yang dijalankan ialah:

i. Program Tadarrus.

Program tadarrus yang dibuat di FKM ini dilakukan selepas solat isyak dengan berkumpul beramai-ramai serta disemak oleh seorang ustaz. Selain daripada itu bacaan dilakukan mengikut turutan dan disemak oleh peserta yang lain.

Program Tadarrus ini bermula semenjak Kerajaan Johor melancarkan program membudayakan al-Quran. Pada ketika itu program tadarrus bermula dari surah Fatimah dan sehingga kini ia telah mencapai kepada surah Maryam.

ii. Program Tafsir al-Quran.

Selain daripada program tadarrus ada juga program membaca tafsir al-Quran, program ini diketuai oleh Tn. Hj. Muhamad Sairaji Suhaidi yang juga Imam Masjid Taman Universiti. Pada mulanya pembacaan al-Quran sebanyak beberapa ayat dan diikuti dengan sedikit syarahan. Selepas itu dikupas sedikit oleh Tn. Hj. Sairaji Suhaidi untuk pemahaman yang lebih sempurna. Ada juga di panggil beberapa orang ustaz daripada PPIPS UTM bagi mengetuai program tersebut. contohnya seperti Ustaz Ismail Musytari yang banyak melibatkan diri dalam menyempurnakan majlis tersebut. kesemua program yang melibatkan pembacaan al-Quran menggunakan cara bacaan resam Uthmani.

iii. Program Tahlil Dan Yasinan

Terdapat juga program Tahlil dan Yasinan dijalankan di bilik/dewan tersebut. program ini dijalankan sekiranya ada kematian dari staf-staf

atau sedara-mara peserta yang meminta program tersebut dijalankan. Ini merupakan satu daripada inisiatif menjaga hubungan dan keharmonian peserta. Program rutin harian akan lakukan selepas program tahlil atau yasinan ini sekiranya sebab-sebab tertentu dan program rutin harian dilakukan selepas itu dengan dicepatkan sedikit.

iv. Program Luar.

Setiap tahun ada bentuk seminar yang dijalankan dibawah program dakwah atau kerohanian yang dianjurkan dibawah Badan Kebajikan FKM ini. Contoh pelaksanaan program yang telah dibuat ialah "program keluarga sakinah, zakat dan sebagainya". Pihak yang terlibat dijemput oleh fakulti seperti menjemput penceramah dari Jabatan Agama Negeri Johor.

Selain daripada itu program yang dibuat khas untuk kebajikan student juga telahpun dibuat seperti jamuan berbuka puasa beramai-ramai di masjid sultan ismail (MSI). Sebagai contoh lagi pada tahun sebelumnya pihak FKM telah mengambil bahagian dalam memasak dan menyediakan sedikit perbelanjaan untuk kerja-kerja penyempurnaan program tersebut. akan tetapi pada tahun lepas pihak FKM hanya sekadar memberi bantuan kewangan sahaja. Ini kerana pertimbangan di atas faktor masa yang suntuk dan sebagainya.

3.4.3 Permasalahan

Menurut maklumat yang diperolehi, sambutan terhadap program yang dijalankan kurang mendapat sambutan. Pelbagai alasan yang timbul apabila dijemput menghadiri program tersebut, di antaranya ialah ketiadaan masa, kerja yang banyak dan sebagainya.

Pelbagai inisiatif telah dibuat untuk menggalakkan sambutan terhadap program tersebut seperti penyediaan makanan secara percuma, pemilihan lokasi program yang selesa dengan bilik yang berhawa dingin dan sebagainya. Program ini juga telah mendapat galakan daripada dekan fakulti tersebut, namun sambutan tetap kurang menggalakkan. Walaubagaimanapun program tersebut tetap diteruskan juga atas tujuan menghidupkan amalan dan suasana yang dituntut dalam agama islam ini.

Kebiasaannya peserta yang melibatkan diri secara istiqamah dalam program ini adalah seramai 25 orang.

3.4.4. Cadangan

Cadangan yang diberikan oleh Encik Jamain Hj. Abd. Rahim selaku Pembantu Tadbir Kanan ialah program ini adalah satu program yang baik dan amat perlu diteruskan walaupun dua orang. Ianya perlu diteruskan secara istiqamah tanpa menuding jari kepada orang lain. Program ini juga perlu mendapat perhatian yang serius dari semua pihak khususnya di FKM. Di samping itu, program ini perlu disebarluaskan maklumatnya selepas program tersebut dijalankan.

4. KESIMPULAN

Program Budaya al-Qur'an adalah merupakan satu medan untuk melaksanakan aktiviti dakwah serta pembangunan sahsiah. Konsep atau asas dakwah yang terbentuk menerusi empat bahagian iaitu daii, madhu' atau sasaran, wasilah atau kaedah dan maudu' atau kandungan sebenarnya menepati konsep program pembinaan sahsiah. Keempat-empat konsep tersebut telah menjadi rukun yang mesti dirancang serta dilaksanakan dengan baik bagi memastikan pelaksanaan program berjalan dengan lancar.

Program bina sahsiah atau pengurusan dakwah yang terancang pasti mampu menghasilkan program yang berkualiti. Oleh yang demikian aspek pengurusan amat dititikberatkan dalam memulakan tugas dakwah khususnya. Secara keseluruhan proses dakwah yang berlaku di semua fakulti atau unit yang dijelaskan di atas amat menarik perhatian semua pihak. Ini kerana walaupun organisasi tersebut sibuk menguruskan hal kewangan Universiti seperti Pejabat Bendahari, atau sumber rujukan seperti PSZ, namun tugas dakwah tidak dilupakan. Kesedaran sebahagian pihak menyebabkan tuntutan dakwah terlaksana walaupun masih terdapat beberapa kelemahan. Maka, pemantauan hendaklah dilakukan secara berterusan oleh pihak pengurusan organisasi. ini kerana apabila pemantauan sering dilakukan organisasi dapat mengenalpasti masalah yang dihadapi untuk diperbaiki dari masa ke semasa serta dapat mengatasi segala punca masalah yang dihadapi dengan cekap dan akademik.

Usaha gigih dari pihak pengurusan dalam menganjurkan program ini adalah satu motivasi yang perlu diteruskan agar perjalanan dakwah sentiasa segar dimuka bumi Allah S.W.T. oleh perlulah menanamkan sifat dalam diri agar berserah kepada Allah S.W.T. Sebagaimana dalam maksud firman Allah S.W.T dalam surah al-An'am, 6:162: "Katakanlah sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku, terserah kepada Allah tuhan semesta alam."

Ayat di atas menerangkan bahawa kehidupan Muslim tidak ada yang dicita-citakannya dalam hidup melainkan kerana Allah atau keredaan-Nya. Manakala kehidupan di dunia hanyalah sebagai tempat untuk berusaha serta mencari bekal bagi kehidupan yang kekal di Akhirat kelak. Lantaran itu, kebaikan serta kebahagiaan di akhirat perlu diusahakan secara baik melalui staf yang terbina sahsiahnya untuk menjana kecemerlangan.

NOTA HUJUNG

¹Dapatan ini berasaskan temubual dengan En. Hassan Bin Abdul Aziz dan En Jamaludin Bin Hasan pada Mac, 2005 di Pejabat Bendahari.

²Dapatan ini berasaskan kepada temubual dengan PM Dr. Abdul Karim Deraman pada Mac, 2005 di Fakulti Sains, UTM.

³Dapatan ini berasaskan kepada temubual dengan En. Kamarul Zaman Nik pada Mac, 2005 di PSZ, UTM

⁴Dapatan ini berasaskan kepada temubual dengan Encik Jamain Hj. Abd. Rahim pada sesi temuramah dibuat pada hari Khamis bersamaan 17 Februari, 2005 pukul 10.00 pagi di FKM, UTM.

BAB IV

PROGRAM BINA SAHSIAH DI USM

1. PENDAHULUAN

Bab ini menjelaskan program bina sahsiah di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (USM). Program bina sahsiah di USM bertumpu sekitar peranan yang dimainkan oleh Pusat Islam. Pusat Islam, USM telah dibina ekoran dari timbulnya idea pada tahun 1972 untuk memahami dan merealisasikan konsep masjid yang dibina oleh Rasulullah saw di Madinah dalam konteks setempat. Konsep tersebut memenuhi kedudukan masjid sebagai pusat ibadat, pendidikan, penyelidikan, perancangan dan pertemuan.¹

Di atas tapak seluas 53, 614 kaki persegi dan berhampiran pintu masuk utama, terbina Pusat Islam di USM. Dengan lokasi ideal itu, Pusat Islam USM wujud dengan objektif untuk mendidik dan membimbing warga USM dalam bidang kerohanian. Memberi peluang kepada semua warga kampus mengenali Islam untuk melahirkan persefahaman dan rasa muhibbah serta saling hormat menghormati. Pusat ini juga bertujuan untuk menjadi pusat pertemuan untuk tujuan ibadat dan melaksanakan aktiviti keilmuan seperti seminar, syarahan, penerbitan risalah dakwah dan sebagainya.

Bagi merealisasikan objektif tersebut, Pusat ini diurus tadbir oleh struktur organisasi berikut:

1. Pengarah
2. Ketua Penolong Pengarah

3. Penolong Pengarah Kanan
4. Penolong Pengarah
5. Penolong Pendaftar
6. Pembantu Hal Ehwal Islam
7. Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam
8. Pembantu Tadbir
9. Pembantu Tadbir Rendah
10. Penyelia Tadika/ Hadanah/ Kafa
11. Pengasuh / Guru
12. Pembantu Am Rendah
13. Pekerja Rendah Awam

Ringkasnya, dalam konteks pembinaan sahsiah, dengan segala kapasiti yang ada, Pusat Islam berperanan melalui tiga pendekatan. Pertama, melalui hubungan yang erat antara staf Pusat dengan warga USM. Kedua, melalui usaha memahamkan Islam sebagai cara hidup menerusi wacana ilmiah, forum atau khutbah. Ketiga, menerusi penyediaan bahan rujukan seperti risalah dan buku di Pusat Sumber.

2 BENTUK DAN TAHAP PELAKSANAAN

Setakat yang berjaya dikenal pasti oleh pengkaji, Universiti Sains Malaysia (USM) menerusi Pusat Islam melaksanakan program Bina Sahsiah dalam pelbagai bentuk berikut:²

1. Program Sambutan Hari Kebesaran Islam

Bentuk program dilakukan secara berkala menurut kalendar Islam. Antara contoh program seperti berikut:

- i. Sambutan Maal Hijrah
- ii. Maulid al-Rasul
- iii. Sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia (Menurut Islam).

Bagi menjayakan program ini, Pusat Islam selaku penganjur akan menjemput staf dari setiap unit menghadirinya. Bagaimanapun, sasaran program ini terbuka kepada semua warga USM dan tidak dikhususkan kepada staf sahaja. Orang luar USM juga dijemput sama menyertainya kerana program dilaksanakan di Masjid USM yang berada dekat dengan pintu masuk universiti. Susunan atau tarikh program ini menurut tarikh Hari Kebesaran Islam berdasarkan urutan kalendar Islam dan dilaksanakan setiap tahun. Umpamanya, sambutan Maal Hijrah 1427 diadakan pada 30 Januari 2006 dan 9 Februari 2006 bertempat di Masjid serta Dewan Budaya, USM.

2. Program Muhasabah Universiti

Merupakan satu program yang dianjurkan oleh pihak USM dengan kerjasama Pusat Islam. Tarikh program adalah tidak tetap tetapi bersifat tahunan atau setahun sekali. Kehadiran diwajibkan kepada semua staf USM. Biasanya dibuat disebelah pagi hari bekerja bertempat di dewan besar USM.

3. Slot PIMPIN anjuran Unit Pembangunan atau Latihan

Merupakan satu slot kerohanian dalam program-program kursus atau latihan dan pembangunan staf yang dianjurkan oleh Bahagian Latihan dan Pembangunan (HRD) Universiti yang diberi nama PIMPIN. Misalnya, slot kuliah maghrib atau tazkirah ringkas. Ia berjalan menurut kalendar Latihan HRD sepanjang tahun.

4. Program Yasin dan Tahlil (Sempena)

Iaitu program yang dianjurkan oleh unit atau individu tertentu daripada kalangan staf USM. Program ini juga tidak berkala dan mengikut keperluan

atau sempena sesuatu perkara, misalnya naik pangkat, anak staf menduduki peperiksaan dan sebagainya. Program ini diisi dengan bacaan Yasin dan tahlil. Tempat anjuran selalunya dibuat di unit atau jabatan berkaitan.

5. Program Tazkirah Bulanan Pusat Islam

Merupakan satu program yang dianjurkan oleh Pusat Islam untuk staf mereka sendiri. Program ini dilaksanakan di Pusat Islam pada minggu terakhir setiap bulan bermula jam 8.00 pagi. Ia diwajibkan kepada staf Pusat Islam.

6. Program Tidak Berkala

Iaitu program kerohanian yang dianjurkan oleh lain-lain unit atau jabatan secara tidak tetap tetapi biasanya berlaku setiap bulanan. Tempat dan tarikh berdasarkan keperluan unit berkaitan.

Selain itu, ada lagi beberapa program yang dianjurkan oleh Pusat Islam sesuai dengan objektif dan peranan yang dimainkan oleh Pusat sepertimana penjelasan sebeleum ini. Bagaimanapun, program tersebut tidak dilaporkan kerana bersifat terbuka kepada umum atau tidak menepati kehendak kajian di sini.

3. SKOP KANDUNGAN PROGRAM

Skop kandungan program bina sahsiah di USM menepati objektif Pusat Islam untuk memahami Islam sebagai al-din. Namun begitu, skop kandungannya lebih tertumpu kepada aspek kerohanian.

Tumpuan kandungan program adalah seperti berikut:

1. Program Sambutan Hari kebesaran Islam

Sesuai dengan namanya, maka kandungan program adalah mengenai hari kebesaran Islam. Pengisian program selalunya dengan ceramah kerohanian, forum, anugerah, atau aktiviti bersifat umum seperti sukan serta jamuan makan. Umpamanya, bagi program Maal Hijrah 1427 Majlis santapan rohani diisi dengan bacaan Yasin dan tahlil serta ceramah agama oleh BG Jamil Khir Baharom di Masjid USM. Manakala pada 9 Februari 2006 bertempat di Dewan Budaya, USM, diisi dengan anugerah Tokoh Maal Hijrah kepada staf. Bagi sambutan Maulid al-Rasul 1427 pula, selain pengisian seperti ceramah, bacaan Yasin serta tahlil, kempen derma darah dan seminar menerokai alam jin turut dianjurkan.

2. Program Muhasabah Universiti

Skop kandungan bagi program ini menjurus kepada aspek motivasi. Biasanya bermula dengan bacaan Yasin di Masjid pada pukul 9.00 pagi secara sukarela. Kemudiannya diisi dengan ceramah motivasi dalam satu dewan pada jam 11 pagi. Misalnya, seorang penceramah bebas terkenal diundang untuk membincangkan topik, 'Kecemerlangan staf bermula dari rumah'. Meskipun kandungan program ini bersifat slot ceramah, tetapi kehadiran staf yang diwajibkan menjadikan program Muhasabah ini sebagai wadah untuk mengeratkan silaturrahim dan menjadi tempat untuk saling berinteraksi antara staf USM. Dengan demikian, sahsiah staf dari aspek kerjasama, disiplin dan ukhwah dapat dibina untuk mencapai aspirasi universiti.

3. Slot PIMPIN anjuran Unit Pembangunan atau Latihan

Skop kandungan agak kecil dan terhad kepada ketentuan dan kesesuaian bidang latihan. Jika program dibuat melibatkan peserta bermalam, maka slot

kuliah maghrib dan kuliah Subuh memberikan sedikit ruang untuk pengisian tazkirah.

4. Program Yasin dan Tahlil (Sempena)

Bersesuaian dengan namanya, maka skop kandungan adalah bacaan Yasin dan Tahlil. Begitupun, menurut Ustaz Nazrul, adalaknya program ini tidak berapa sesuai dengan tujuan ia dianjurkan. Umpamanya, apabila anak nak ambil peperiksaan, staf jemput adakan tahlil, patut solat hajat. Umumnya, program ini diadalkan sempena dengan hajat tau peristiwa staf atau unit atau jabatan tertentu yang diisi dengan bacaan Yasin dan Tahlil.

5. Program Tazkirah Bulanan Pusat Islam

Program ini lebih dari sekadar pengisian rohani. Ia merupakan satu program yang bermula jam 8.00 pagi berupa luahan rasa staf Pusat Islam dalam semua perkara. Menurut staf pusat terbabit, kesan dari program ini cukup baik dan dapat membina sahsiah insan dengan lih mantap. Ini kerana melalui program ini semua staf dapat meluahkan segala rasa terpendam, tidak puas hati, rasa terima kasih, berpeluang kenal mengenal antara satu sama lain dengan lebih telus serta dapat mengikat silaturrahim dan sebagainya antara sesama staf.

6. Program Tidak Berkala

Pengisian dan skop program ini bersifat tazkirah rohani dari ajaran Islam.

4. MASALAH PELAKSANAAN PROGRAM

Hasil dari temubual yang dilakukan, pengkaji telah menyimpulkan antara masalah yang dihadapi dalam perlaksanaan program bina sahsiah USM adalah seperti berikut:

i. Masalah kedatangan staf atau sambutan dari audien

Apabila wujud program yang dianjurkan berstatus terbuka atau umum dan tidak diwajibkan kepada staf, maka kehadiran staf tidak begitu memberangsangkan. Umpamanya, program Sambutan Hari Kebesaran Islam yang dibuat di masjid. Begitu juga dengan Program Tak Berkala Bulanan di mana kejayaannya bergantung sepenuhnya kepada Pusat Tanggung Jawab (PTG) lain dari pusat Islam. Apabila pihak penganjur tidak mewajibkan staf PTG tersebut hadir, maka kejayaan adalah bergantung sepenuhnya kepada usaha atau ikhtiar PTG terbabit.

ii. Mesej tidak sampai

Ekoran dari masalah ketidak hadiran tersebut, masalah berikutnya pula timbul. Iaitu mesej yang baik telah sampai kepada staf yang baik atau yang hadir. Staf yang tidak hadir tidak dapat menerima mesej yang ingin disampaikan. Lantaran itu, untuk memastikan mesej yang baik dapat disampaikan kepada semua, status wajib perlu dikeluarkan oleh ketua atau PTG berkaitan.

iii. Program atas nama Islam

Kebanyakan program tersebut di atas menggunakan nama Islam. Misalnya, Sambutan Malidur Rasul adalah program khusus untuk Islam. Dalam masa yang sama universiti juga terdapat staf bukan Islam. Lantaran itu, mereka tidak dapat hadir. Malah, wujud juga cakap-cakap yang mengatakan Universiti menggunakan duit universiti untuk program khusus Islam. Pada hal dalam masa yang sama, terdapat juga orang bukan Islam di universiti, tetapi tidak boleh mendapat manfaat kerana program tersebut khusus untuk Islam.

5. KESIMPULAN

Berdasarkan kepada hasil dapatan di atas, USM telah mengadakan Program Bina sahsiah untuk warga atau stafnya yang tersendiri. Program ini wujud dalam pelbagai bentuk yang bersifat berkala dan tidak berkala. Manakala skop atau kandungan program adalah berkaitan dengan aspek kerohanian atau keagamaan.

Permasalahan kepada program bina sahsiah di IPT ini seseolah menggambarkan realiti program kerohanian ialah ketidakhadiran kumpulan sasar seperti mana yang diharapkan. Langkah perlu diambil secara mudah ialah barang kali dengan mewajibkan kehadiran staf atau status penganjuran ialah menerusi kerjasama Pusat Islam dengan pihak pengurusan PTG. Begitupun, kesedaran semua pihak mengenai kepentingan program bina sahsiah ini lebih bermakna untuk menjayakannya secara membaiki bentuk, kandungan serta mengatasi masalahnya secara berterusan.

NOTA HUJUNG

¹ Lihat *Buku Panduan Pusat Islam USM*, Pulau Pinang

² Dapatan kajian ini berasaskan kepada temubual dengan Ustaz Nazrul Hassan pada 7 Disember, 2006 di Pusat Islam, USM, P. Pinang.

BAB V

PENUTUP

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian Bina Sahsiah staf di UTM dan USM pengkaji berpendapat bahawa program tersebut kedapatan dan berjalan di IPTA terutamanya di universiti yang dikaji. Program tersebut bagaimanapun wujud dalam pelbagai bentuk dan nama. Pusat tanggung jawab yang memainkan peranan utama adalah Pusat Islam atau Masjid IPTA berkenaan. Kandungannya pula berbeza antara satu universiti dengan universiti yang lain selari dengan perbezaan nama program tersebut. Namun begitu, objektif dan matlamat program mempunyai persamaan iaitu ingin membina sahsiah staf serta warga universiti menjadi insan dan pekerja cemerlang.

Kajian mendapati UTM mempunyai program bina sahsiah staf secara tersusun dan terancang dengan pusat tanggung jawab terletak di bahu MSI melalui kerjasama unit atau fakulti. Penubuhan JAPNI induk yang diwakili setiap unit atau fakulti di MSI serta JAPNI unit atau fakulti sendiri merupakan nadi utama untuk menggerakkan program tersebut. Program tetap secara mingguan dinamakan sebagai Budaya al-Qur'an.

Manakala program bina sahsiah di USM yang wujud dalam pelbagai nama dan digerakkan juga oleh Pusat Islam. Bagitupun, program dalam bentuk mingguan seperti yang dilakukan dalam Program Muhasabah di Pusat Islam belum berjalan secara tetap di pusat tanggung jawab atau unit lain.

Ringkasnya, program bina sahsiah dalam bentuk apa nama sekalipun memang ada di IPTA. Bentuk dan tahap kandungannya bersesuaian dengan unit atau keperluan institusi terbabit. Ada program yang diisi dengan ceramah umum, ada program fardu ain serta berbentuk motivasi dan muhasabah diri. Ada program yang diisi dengan bacaan serta tafsiran al-Qur'an.

Berdasarkan kepada dapatan dan hasil kajian di atas, pengkaji ingin menyarankan beberapa pendekatan ke arah pelaksanaan program bina sahsiah staf yang lebih efisien dan efektif di IPTA. Cadangan-cadangan tersebut ialah:

1. Mewujudkan satu badan atau jawatankuasa induk yang melibatkan semua wakil unit atau fakulti atau pusat tanggungjawab untuk menganjurkan program bina sahsiah seperti amalan UTM. Badan ini boleh bertindak untuk merancang dan menganjurkan program yang bersifat lebih tersusun dan berterusan.
2. Kerjasama semua pihak. Wakil badan induk perlu berhubung terus dengan pihak pengurusan fakulti atau unit dan bertindak sebagai badan penyelarasan program. Dalam masa yang sama badan induk tersebut perlu bekerjasama dengan pihak Bahagian Pembangunan dan Latihan (HRD) setiap universiti. Kerjasama ini memungkinkan program bina sahsiah boleh dimasukkan dalam kalendar latihan universiti dan mendapat status kehadiran adalah wajib oleh pihak pengurusan unit atau fakulti. Dengan demikian, program ini

mendapat taraf yang sama dengan lain-lain program latihan serta penganjurannya tidak sekadar memenuhi kuota atau sekadar ada sahaja.

3. Bentuk program latihan bina sahsiah boleh dipelbagaikan dan bersesuaian mengikut keperluan atau kepentingan IPTA. Untuk mencapai tahap memuaskan, program ini perlulah berpandukan kepada model latihan moden. Misalnya, perlu dibuat analisis keperluan, ada perancangan yang rapi, penilaian program dan proses pembaikan yang berterusan.
4. Kandungan program boleh menekankan aspek kerohanian seumpama Program Budaya al-Qur'an di UTM atau Muhasabah di USM. Bagaimanapun, memandangkan program ini adalah untuk staf IPTA yang mana bidang kerja mereka melibatkan aktiviti ilmu dan membina modal insan, maka satu modul asas berhubung dengan Falsafah Kerja Dalam Islam perlu diperkenalkan, di samping modul sedia ada.
5. Menyerapkan modul Falsafah Kerja dalam Islam dalam kandungan program tersebut. Sebaik-baiknya, modul ini diperkenalkan di peringkat awal sebelum penekanan kepada aspek yang lebih detail seperti tafsir al-Qur'an atau lain-lain modul. Dalam modul ini perlulah diberikan penekanan kepada aspek asasi atau falsafah, misalnya berkaitan Pandangan Semesta Islam, Hakikat Tuhan, alam dan insan, Konsep kerja sebagai satu masuliah atau akuntabiliti yang akan dipersoalkan di Akhirat, Kerja sebagai ibadat, Kerja

sebagai satu kefarduan, Kerja sebagai kerjaya dan sumbangan kepada pembangunan negara dan seumpamanya. Dengan penekanan modul ini diharapkan staf akan faham dan menghayati kepentingan kerja dan merasa bertanggungjawab untuk membangunkan negara dengan sebaik mungkin.

Ringkasnya, program bina sahsiah yang berjalan di IPTA khususnya di UTM dan USM merupakan program yang bersifat suatu keperluan untuk pembangunan dan kecemerlangan staf dan institusi. Ia bukanlah sekadar anggapan sesetengah pihak yang melabelkan program bina sahsiah sekadar program sampingan yang boleh dilaksanakan apabila ada lebihan bajet atau masa lapang semata-mata. Lantaran itu, program untuk melahirkan staf yang terbina sahsiahnya perlukan kerjasama, komitmen dan proses pembaikan yang berterusan semua pihak di setiap peringkat. Wassalam!

BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an dan Terjemahan serta Kitab Hadis al-Syarif

Abd. Latif Muda dan Rosmawati Ali, 1997. *Pengantar Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Abdul Jalil Borham (editor).1999. *Sains Muamalah Islam Di Malaysia*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Abdullah Nasih Ulwan, 1990. *Pembentukan Peribadi Mukmin*. Kuala Lumpur: Syeikh Publisher.

Abdullah Nasih Ulwan. 1994. *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*, Terjemahan oleh Syed Ahmad Semait, Singapore: Pustaka Nasional

Abu Ishaq As-Syatibi, (tt), *Al-Muwafaqat fi usul al-ahkam*, Jld. 2. Kahirah: Muhammad Ali Subaih

Berita Harian, 7 Ogos 2002

Berita Harian, 7 Ogos 2002

Bey Arifin, 1991. *Mengenal Tuhan Selangor*: Klang Book Centre.

Buku Panduan Pusat Islam USM, Tanpa tarikh, Pulau Pinang

Harian Metro, 2 Ogos 2002:

Kamarul Azmi Jasmi, 2002, "Paradigma Imam al-Nawawi Dalam Pembinaan Insan: Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Salihin," Tesis Sarjana, Universiti Malaya

Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

M. Kamal Hassan, "Muslim Professionals Facing The Challenges of 21st Century: Beyond Official Code of Ethics," Paper Presented at the National Seminar On Professional Ethics, Organised by UTM in Collaboration with ASASI, IEM, ACEM and PAM on 20-21 October, 1992

Mohd Sulaiman Hj Yassin, 1985. *Islam dan Aqidah* Selangor: Al-Omari Sdn.Bhd.

Naeem Siddiqi, 1989. *Muhammad Pembina Umat* Kuala Lumpur: Pustaka Salam

Naveer Mohideen Bin Syed Mohammad, 1992. *Wanita Dan Laki-Laki Dalam Al-Quran dan Hadis*. Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas.

Salim Bahreisy, 1980. *Sejarah Hidup Nabi-Nabi*. Surabaya: Pt.Bina Ilmu.

SMN al-Attas, (1978), *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia

Stephen R. Covey. 1992. *Principle - Centred Leadership*, London: Simon & Shuster

Temubual dengan En. Hassan Bin Abdul Aziz dan En Jamaludin Bin Hasan pada Mac, 2005 di Pejabat Bendahari, UTM Skudai.

Temubual dengan En. Kamarul Zaman Nik pada Mac, 2005 di PSZ, UTM

Temubual dengan Encik Jamain Hj. Abd. Rahim pada sesi temuramah dibuat pada hari Khamis bersamaan 17 Februari, 2005 pukul 10.00 pagi di FKM, UTM.

Temubual dengan Penolong Pengarah Pusat Islam USM, Ustaz Nazrul Hassan pada 7 Disember, 2006 di Pusat Islam, USM, P. Pinang.

Temubual dengan PM Dr. Abdul Karim Deraman pada Mac, 2005 di Fakulti Sains, UTM.

Yusof Mohamad, 1989. *Bina Insan* Kuala Lumpur: Nurin Enterprise;

<http://www.undp.org/hdro/Dias2000.html>